**Sidang DUN**

MS 3 - 8






OGOS 16-31, 2018

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

*100 Hari Pentadbiran PH*

# "Jangan hampakan pengundi"

**PADA** 24 Ogos ini, maka genaplah usia 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Sempena itu, Chow Kon Yeow berkongsi hasratnya untuk menggunakan sebahagian rizab Kerajaan Negeri untuk melaksanakan sebahagian daripada projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang yang bernilai kira-kira RM600 juta.

Menurut Ketua Menteri berkenaan, ini kerana pentadbirannya menyedari bahawa kekangan kewangan Persekutuan yang dihadapi oleh Pakatan Harapan selepas mengambil alih Kerajaan Persekutuan pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lepas.

"Setelah jadi Ketua Menteri, saya pun ingin projek (RTB) ini mula dilaksanakan dalam tempoh (100 hari pentadbiran Pakatan Harapan).

"Tetapi, kalau peruntukan Persekutuan menjadi kekangan, kita perlu memikirkan cara yang lain daripada itu.

"Dan, memang letih untuk menunggu, kalau kita tak ada duit, kita perlu tunggu juga.

"Tapi, saya pun ada fikirkan bahawa sepatutnya kita (Pakatan Harapan Pulau Pinang) melihat kepada rizab Kerajaan Negeri, mungkin kita boleh keluarkan daripada rizab itu RM100 (juta) atau RM200 (juta) atau RM300 juta untuk melaksanakan sebahagian daripada projek tebatan banjir.

"Kalau betul-betul tidak dapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, saya akan mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mengeluarkan rizabnya bukan secara sekaligus, sebaliknya mungkin dalam tempoh tiga tahun untuk membiayai program Kerajaan Negeri.

"Jangan menghampakan pengundi yang mengundi kita (Pakatan Harapan), jadi kita keluarkan rizab negeri," jelasnya dalam wawancara eksklusif bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** pada 2 Ogos 2018 di pejabatnya di Komtar.

Kon Yeow merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota; Ahli Parlimen Tanjong dan Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang.

Menjelang PRU14 lalu, beliau bersama-sama bekas Ketua Menteri, Lim Guan Eng (kini Menteri Kewangan) melancarkan Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang, yang terdiri oleh 68 janji pilihan raya.

Walaupun isu banjir tidak terangkum dalam janji pilihan raya lepas, bagi Kon Yeow, pelaksanaan projek tersebut yang mungkin membabitkan penggunaan rizab Kerajaan Negeri merupakan salah satu keutamaan, demi rakyat terbanyak.

Lagi pun, menurutnya, tahap kewangan Kerajaan Negeri adalah 'sihat', dengan tiap-tiap tahun sejak 2008 adalah mencatatkan lebihan kewangan (surplus).

"Selain kita menggunakan rizab Kerajaan Negeri, kita juga berharap tiap-tiap tahun rizab dapat ditambahkan juga, keadaan kewangan surplus juga.

"Kita perlu mengutamakan perbelanjaan kita, membabitkan projek-projek keperluan mendesak juga," ujarnya.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sejurus selesai Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas di sini baru-baru ini. (Gambar : ALVIE CHENG).**

*(Sambungan di muka 2)*

# Ketua Menteri terima kunjungan hormat Menteri Besar Negeri Sembilan



CHOW Kon Yeow (empat dari kanan) dan Aminuddin Harun (empat dari kiri) bertukar-tukar cenderamata bersempena kunjungan rasmi di sini baru-baru ini.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 1 Ogos lalu menerima kunjungan hormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Y.A.B. Tuan Aminuddin Harun di pejabatnya dekat Komtar di sini.

Aminuddin mengetuai delegasi beliau termasuk Exco Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Mohamad Taufek Abd. Ghani serta Dr. Razali Abd. Malek (Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan).

Ketibaan mereka disambut Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Dato' Ghazali Derahman dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari.

Selain bertukar-tukar pendapat, turut menjadi topik perbualan hangat adalah berhubung isu-isu semasa dan pentadbiran termasuk pelancongan di kedua-dua buah negeri.

Pertemuan selama hampir 45 minit tersebut diakhiri dengan pemberian cenderahati daripada Kon Yeow kepada Aminuddin.

*(Sambungan dari muka 1)*

## Manifesto: 100 hari sebagai komitmen

### Projek Pembangunan Negeri

Selain itu, Kon Yeow memberitahu, segala projek pembangunan di negeri ini diteruskan seperti biasa, tidak seperti beberapa projek Persekutuan yang terpaksa ditangguhkan, ekoran kekangan kewangan yang dialami oleh Kerajaan Pusat.

"Kita tak ada apa-apa projek yang hendak dikaji semula ataupun ditangguhkan, akan dilangsungkan juga melalui proses tender dan sebagainya.

"Mungkin projek-projek yang masih belum diluluskan di bawah Pelan Induk Pengangkutan (PIP) itu masih dalam peringkat mendapatkan kelulusan daripada Pusat.

"Kita (Kerajaan Negeri) merasakan kalau ia perlu mendapatkan kelulusan Pusat, maka dianggap sebagai proses kaji semula, dalam penelitian mereka jika merasakan projek-projek ini tidak perlu atau perlu ditangguh, kita akan akur juga," katanya.

### 100 Hari Pentadbiran PH

Menjelang 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri, rata-rata netizen menganggap Pakatan Harapan (PH) tidak mampu menunaikan segala janji politik, sebagaimana disebut sebelum PRU14.

Menjawab tanggapan itu, bagi Kon Yeow sendiri, sebahagian daripada 68 janji Manifesto PH Pulau Pinang, ada yang berjaya ditunaikan dalam tempoh 100 hari, dan ada yang memerlukan lebih masa untuk direalisasikan.

"Sebenarnya ada salah faham mengenai 100 hari (pentadbiran) bukan untuk tunaikan apa yang telah kita janjikan.

"Kalau (dalam 100 hari ini) digunakan sebagai suatu komitmen sempena pilihan raya, itu satu komitmen untuk membawa perubahan, tidak semestinya dalam 100 hari itu dapat disempurnakan, sekurang-kurangnya memulakan proses menunaikannya dalam 100 hari itu.

"Ada kalanya, kita (Kerajaan Negeri) perlu merancang dan pegawai perlu meneliti, itulah maksud 100 hari, keutamaan diberikan kepada perkara-perkara yang kita nak tunaikan.

"Sebenarnya, bukan bermaksud kita 'habiskan' semua perkara dalam 100 hari, kalau nak bina LRT, macam mana nak sempurnakan dalam 100 hari.

"Sebenarnya, saya berharap dalam tempoh (100 hari) ini boleh merancakkan lagi proses mendapatkan kelulusan, jadi kita ada tulis surat, ada meminta perbincangan diadakan, dan dapat status (permohonan kelulusan) yang terkini," jelasnya.




Oleh: **ME**

# Raikan perbezaan pandangan dengan hujah balas secara tatasusila, seru TYT




Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyeru semua warga kerja perkhidmatan awam, swasta dan rakyat negeri ini untuk sama-sama menggembleng tenaga serta daya fikir ke arah perancangan pembangunan berteraskan *'people centric'*.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas Negeri Pulau Pinang dekat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini 3 Ogos lalu.

Menurut Abdul Rahman, adalah menjadi suatu amanah besar yang harus dipikul Kerajaan Negeri dalam mentadbir negeri ini.

"Namun, tanggungjawab yang berat ini dapat diringankan sekiranya ia dilaksanakan dengan semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan pimpinan negeri.

"Dalam perkara ini, saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memiliki kekuatan untuk menggalas tanggungjawab tersebut dengan berkesan," ujarnya.

Pada masa sama, Abdul Rahman turut menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat (yakni Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN), walaupun daripada parti pembangkang, sama-sama berusaha serta bergerak seiring dengan kerajaan untuk terus membela kehidupan rakyat dengan adil sama ada dari segi ekonomi, sosial dan lain-lain.



**DR. Abdul Rahman Abbas memeriksa barisan kawalan kehormatan pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama DUN Pulau Pinang Yang Keempat Belas di sini baru-baru ini.**

"Suka saya tegaskan bahawa dalam kepesatan pembangunan yang kita kecapi kini, mereka yang kurang bernasib baik tidak harus dilupakan.

"Saya berharap agar Kerajaan Negeri terus memberikan fokus kepada golongan B40 dan M40, terutama berkaitan kos sara hidup dan kediaman mampu milik.

"(Dan) dalam hal ini (penyediaan kediaman mampu milik), pihak swasta juga perlu tampil membantu Kerajaan Negeri untuk menangani isu tersebut dan tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata," serunya.

Pada kesempatan itu juga, Abdul Rahman turut menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meraikan perbezaan pandangan dalam perbahasan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

"Saya yakin, Dewan Undangan Negeri (DUN) ini dapat menjadi medan menegakkan keadilan dan demokrasi serta menjadi saksi Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan secara matang serta dapat merangsang dinamik berfikir secara berhemah serta bijaksana.

"Dalam mana-mana perbahasan, terdapat perbezaan pandangan dalam beberapa perkara, raikan perbezaan tersebut dengan hujah balas secara tatasusila agar kemuliaan dewan ini terpelihara, terus dihormati dan dipandang tinggi terutama oleh rakyat yang Ahli-ahli Yang Berhormat wakili.

"Saya percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa patuh dengan segala peraturan dewan, termasuk menepati masa supaya persidangan berlangsung dengan lancar," serunya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Rahman turut menzahirkan penghargaan kepada seluruh anggota perkhidmatan awam, pasukan keselamatan khasnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta semua pihak yang terlibat ke arah pembangunan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negeri.

Beliau turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pakatan Harapan kerana bukan sahaja berjaya mengekalkan pentadbiran negeri, malah juga (berjaya) mencipta sejarah di peringkat Persekutuan.

Terdahulu, Abdul Rahman berkenan memeriksa barisan kawalan kehormatan seramai 102 anggota yang disusuli dengan nyanyian lagu 'Negaraku' dan 'Untuk Negeri Kita'.

## Choo Kiang kekal Speaker, Dr. Amar ADUN Sungai Bakap sebagai Timbalan



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Law Choo Kiang Kiang (kiri) selepas pelantikannya sebagai Speaker DUN.**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Dato' Law Choo Kiang dipilih semula sebagai Yang di-Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang bagi Penggal Ke-14, sementara Timbalan Speaker DUN ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang mencadangkan kedua-dua nama tersebut, lalu disokong oleh majoriti anggota dewan.

Majlis angkat sumpah serta tandatangan pengakuan sebagai ADUN bagi semua anggota dewan terbabit dikendalikan oleh Choo Kiang pada 2 Ogos lalu.

Turut mengangkat sumpah sebagai ADUN adalah dua Menteri, iaitu Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (ADUN Air Putih) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail (ADUN Pantai Jerejak).

Selepas itu, Choo Kiang turut mengumumkan ADUN Sungai Dua, Muhamad Yusoff Mohd. Noor sebagai Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang.

Daripada 40 anggota Dewan, Muhamad Yusoff (BN), Ustaz Mohd. Yusni Mat Piah (ADUN Penaga - PAS) dan Nor Hafizah Othman (ADUN Permatang Berangan – BN) merupakan wakil rakyat pembangkang.



**GELAGAT Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) dan Lim Guan Eng (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (kanan sekali) dan ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz (kiri sekali).**



**(Dari kiri), ADUN Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen, ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo, ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong dan ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang pada Majlis Angkat Sumpah Sebagai ADUN Bagi DUN Penggal Ke-14 di sini baru-baru ini.**

# Pelaburan ke Pulau Pinang Q1 2018 catat RM1 bilion

Sidang DUN

**GEORGE TOWN -** Pelaburan ke Pulau Pinang untuk suku pertama tahun 2018 (Q1 2018) adalah sebanyak RM1 bilion, umum Chow Kon Yeow.

Bagaimanapun, Ketua Menteri berkenaan memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan saling bekerjasama dengan Kerajaan Pusat serta agensi-agensi Persekutuan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) demi menghadapi cabaran-cabaran di peringkat global pada masa hadapan.

"(Untuk suku tahun pertama 2018), pelaburan asing (langsung, FDI) menyumbang sebanyak RM580 juta, manakala pelaburan domestik mencatatkan angka RM439 juta.

"Antara perkembangan global yang dipantau rapi adalah isu tarif Amerika Syarikat-China, yang jika berterusan mungkin akan mengakibatkan kelembapan ekonomi dunia.

"MIDA dan agensi-agensi promosi pelaburan negeri perlu terus meningkatkan kerjasama...termasuk dalam aktiviti-aktiviti penyatuan polisi pelaburan, promosi pelaburan secara bersama dan perkongsian maklumat bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber serta mengurangkan lebihan atau pembaziran," jelas Kon Yeow dalam sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14 di sini 10 Ogos 2018.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu, RM8.5 bilion FDI yang diluluskan ke Pulau Pinang bagi tahun 2017 merupakan di kedudukan tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

Tambah Kon Yeow, RM10.8 bilion pelaburan yang diluluskan MIDA ke Pulau Pinang bagi tahun 2017, meletakkan negeri ini di kedudukan kedua tertinggi negara.

"Pelaburan domestik kekal stabil dengan jumlah RM2.3 bilion, industri elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai penyumbang pelaburan tertinggi Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan RM6.7 bilion pada tahun 2017," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

## Tanah 1MDB di Pulau Pinang masih kaveat, respons KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih belum menerima sebarang Permohonan Kebenaran Merancang di atas tiga lot tanah yang dikaitkan dengan syarikat pelaburan kontroversi Persekutuan, 1Malaysian Development Berhad (1MDB) di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri turut memasukkan kaveat pendaftar untuk menghalang sebarang urusan jual beli bagi tanah-tanah tersebut.

"Bagaimanapun, PTG (Pegawai Tanah dan Galian) telah menerima surat daripada peguam bertarikh 14 April 2018 yang memaklumkan bahawa syarikat 1MDB RE (Ayer Itam) Sdn. Bhd. telah menukar nama mereka kepada Ayer Itam Properties Sdn. Bhd., dan memohon supaya tanah-tanah tersebut juga ditukarkan ke atas nama baru iaitu Ayer Itam Properties Sdn. Bhd..

"Namun, Kerajaan Negeri masih lagi belum melaksanakan proses penukaran nama ke atas tanah-tanah tersebut," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sesi soal jawab lisan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di sini 9 Ogos lalu.

Mengikut rekod PTG Pulau Pinang sehingga 18 Julai 2018, Kon Yeow menyatakan bahawa tiga tanah yang masih dimiliki 1MDB RE (Ayer Itam) Sdn. Bhd. yang dimaksudkan atas geran bernombor 4661, 53264 dan 43187 dekat Daerah Timur Laut, masing-masing berkeluasan 18,265.2 meter persegi, 15,681.6 meter persegi dan 61,069.2 meter persegi.

Terdahulu, ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang meminta Ketua Menteri menjelaskan status terkini tanah-tanah 1MDB di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam, Air Putih dan Paya Terubong.

## Kon Yeow tulis surat kepada PM minta biayai LRT

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pada 29 Jun lepas, pihaknya telah menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memohon supaya Kerajaan Persekutuan membiayai kos pemajuan transit aliran ringan (LRT) di negeri ini.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berkata demikian dalam sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14 pada 10 Ogos 2018.

Sebelum itu, Kon Yeow dalam sesi soal jawab lisan di sini turut memberitahu bahawa sehingga kini, cadangan penambakan laut masih lagi menjadi model pembiayaan bagi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) termasuk LRT serta pintasan lebuh raya *Pan Island Link 1* (PIL1).

Menurutnya, hasil penambakan itu juga akan digunakan untuk membiayai kos operasi dan penyelenggaraan LRT dan PIL1 pada masa depan kelak.

"Sekiranya PSR (penambakan laut di Selatan Pulau) tidak dilaksanakan, maka, Kerajaan Negeri perlu mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek LRT dan PIL(1)," jelas Kon Yeow.

Beliau menyatakan bahawa pelaksanaan PSR sekaligus menyelesaikan masalah di peringkat perbandaran yang lain seperti kekurangan tanah, kesesakan trafik dan penghijrahan keluar tenaga pakar.

"Projek (PIP dan PSR) ini juga merupakan salah satu langkah penyelesaian dalam memastikan kelestarian pembangunan ekonomi di Pulau Pinang pada masa hadapan," ujarnya.

Kon Yeow memberi penjelasan itu sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Dalam perkembangan berkaitan, ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md Lazim sehari sebelum itu mencadangkan Kerajaan Negeri menubuhkan bank pembangunan sendiri, iaitu *"Penang Own State Bank"* sebagai model sokongan kewangan alternatif bagi melaksanakan PIP.

## Mansuh tol Jambatan Pulau Pinang bawah bidang kuasa Persekutuan

**GEORGE TOWN -** Pemansuhan tol Jambatan Pulau Pinang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan memandangkan perjanjian konsesi masih belum tamat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Persekutuan perlu mengkaji impak kewangan yang berkait dengan pemansuhan tol seperti bayaran pampasan kepada syarikat konsesi dan kos-kos penyelenggaraan berdasarkan kontrak tempoh konsesi tol Jambatan Pulau Pinang yang masih berbaki 20 tahun.

"Walaupun pemansuhan tol jambatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri menyokong penuh pemansuhan tol tersebut jika Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan cadangan pemansuhan tol Jambatan Pulau Pinang," jelasnya dalam sesi soal lisan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Yang Ke-14 pada 6 Ogos 2018.

Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberi respons itu kepada soalan lisan ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Difahamkan, Jambatan Pulau Pinang pertama dibina pada tahun 1985, dengan perjanjian asal dan tambahan bersama-sama Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (PLUS) yang berakhir pada 31 Disember 2038.

Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei 2018, Lim Guan Eng (dulu: Ketua Menteri; kini: Menteri Kewangan) berjanji mahu memansuhkan tol Jambatan Pertama Pulau Pinang (Jambatan Pulau Pinang) sekiranya Pakatan Harapan berjaya menguasai Kerajaan Persekutuan dan kekal menguasai Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kon Yeow turut memberi respons bahawa Kerajaan Negeri melalui program *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) sejak tahun 2011 adalah demi menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan bas awam percuma, dan merosotkan impak trafik sesak di Jambatan Pulau Pinang.

Tambahnya, Kerajaan Negeri sejak tahun 2013 mencadangkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), iaitu pelan bersepadu demi menangani cabaran trafik sesak di negeri ini.

Menurut Kon Yeow, PTMP adalah terdiri daripada rangkaian pintasan lebuh raya dan sistem rel pengangkutan awam.

# Cadangan jajaran PIL1 masih belum muktamad, pertimbang setiap maklum balas awam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi *Pan Island Link 1* (PIL1) yang dipamerkan menerusi pameran awam sehingga 10 Ogos lalu adalah cadangan peringkat asal sebuah jajaran pintasan lebuh raya sahaja, dan masih memerlukan maklum balas lanjut daripada rakyat terbanyak.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, tempoh untuk orang awam memberi komentar ataupun ulasan bertulis terhadap laporan itu dilanjutkan sehingga 7 September ini.

Tambah beliau, laporan itu masih boleh diakses secara atas talian (internet) seperti biasa, walaupun pameran awam sahaja kekal sehingga 10 Ogos 2018.

"Tempoh ini dilanjut sehingga 7 September supaya orang ramai ada cukup masa untuk memberi maklum balas.

"Kita nak tegaskan bahawa apa yang terkandung dalam laporan EIA itu adalah cadangan jajaran dalam peringkat rancangan reka bentuk awalan sahaja, iaitu kita masih belum memperhalusi reka bentuk cadangan (sedia ada) secara muktamad," jelasnya dalam sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 7 Ogos 2018.




Seperti dijanjikan, Kon Yeow membuat rumusan secara terperinci mengenai struktur dan lot tanah yang bakal terlibat, ketika kerja-kerja pemajuan PIL1 ini diteruskan kelak.

Menurutnya, sebanyak 226 struktur binaan iaitu 62 unit kediaman, lot komersial (30), binaan berkaitan agama (4), struktur kecil (48) dan rumah setinggan (82) akan terlibat dalam projek PIL1 ini.




| Section No. | Description | Length (km) | Nos. of Affected Buildings: Residential | Commercial | Religious | Minor Structures | Squatters | Nos. of Affected Lots |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Gurney I/C To Jln Bagan Jermal/ Jln Gottlieb | 1.8 | 8 | 1 | 1 | 3 | 0 | 67 |
| 2 | Jln Gottlieb To Paya Terubong | 6.8 + 0.9 | 7 | 0 | 0 | 3 | 0 | 78 |
| 3 | Paya Terubong Link | 0.8 + 3.2 | 11 | 29 | 1 | 26 | 3 | 119 |
| 4 | Paya Terubong To Relau | 4.0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 27 |
| 5 | Relau To Tun Dr LCE I/C | 6.1 | 23 | 0 | 2 | 16 | 79 | 85 |
| Total | | 19.5 + 4.1 | 62 | 30 | 4 | 48 | 82 | 376 |
| Grand Total | | | | | 226 | | | 376 |

**LAKARAN dan rumusan menyeluruh struktur binaan yang bakal terjejas.**

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow memberitahu pentadbirannya dalam projek PIL1 wajar mendapatkan maklum balas 1.6 juta rakyat terutama rakyat yang menghadapi cabaran trafik sesak di Pulau Pinang saban hari, bukan hanya desakan-desakan beberapa pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu sahaja yang dingin terhadap rancangan pemajuan projek pintasan lebuh raya tersebut.

Difahamkan, panjang keseluruhan PIL1 adalah 19.5 kilometer (km) termasuk empat bahagian terowong menembusi bukit-bukau di Bukit Bendera sepanjang 10.1km, dengan cadangan reka bentuk enam persimpangan demi menangani masalah trafik sesak di bahagian pulau.



**KETUA Menteri menunjukkan lakaran jajaran PIL1 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# Saya hanya bantah tol, bukan bantah buat jalan PORR, respons KM

**GEORGE TOWN -** Chow Kon Yeow memberitahu pada tahun 2002, beliau hanya menentang kenaan tol dalam Pelan Lingkaran Luar Jalan Raya Pulau Pinang (PORR), bukan projek pemajuan jalan yang bertujuan untuk menyuraikan trafik sesak ketika itu.

Justeru, Ketua Menteri berkenaan menasihatkan kumpulan pendesak yang mahu projek pintasan lebuh raya *Pan Island Link I* (PIL1) tidak menyebarkan risalah kempen dengan menggunakan fakta palsu.

"Mereka ambil daripada kenyataan yang saya buat pada tahun 2002 mengatakan yang saya membantah (PORR).

"Ya...saya membantah kalau tol dikenakan, kalau tol tidak dikenakan, itu soal lain.

"Hari ini, mereka memetik satu lagi kenyataan saya di luar konteks yang sebenar.

"Jadi, saya berharap pihak yang menentang Kerajaan Negeri melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (TMP) gunakan fakta yang betul.

"Kalau nak bantah (PIL1), gunalah fakta sebenar, janganlah memesong, mengaku diri sebagai profesional (kerana) profesional tidak akan menggunakan teknik sedemikian," respons Kon Yeow kepada pemberitahu, selepas berakhirnya Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14 di sini pada 10 Ogos 2018.

Tambah beliau, satu lagi sebab beliau membantah PORR bernilai RM5 bilion yang cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang era Barisan Nasional (BN) pada tahun 2002 dahulu, adalah kerana penemuan hasil kajian Halcrow Consultants Sdn. Bhd. (Halcrow) sendiri yang menyebut projek itu tidak dapat menyelesaikan masalah trafik selepas lima tahun digunakan.

Sebelum ini, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu, kumpulan pendesak terbabit menggunakan gambar visual yang tidak relevan dan bukan berdasarkan dokumen laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) sebenar, demi menyebarkan dakyah anti projek PIL1 yang dianggarkan bernilai RM8 bilion.

Sebelum itu, beberapa kumpulan pendesak melancarkan demonstrasi awam di luar perkarangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Beberapa pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengambil bahagian dalam demonstrasi anti projek penyuraian trafik sesak yang cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Serentak dalam demonstrasi itu, turut diedar risalah berupa 'surat layang' yang memetik kenyataan Kon Yeow membantah PORR secara di luar konteks sebenar pada tahun 2002.

# TMP / PIL1 dan ECRL, mana boleh bandingkan epal dengan oren!

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyanggah dakwaan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mendakwa RM47 bilion anggaran kos pemajuan Pelan Induk Pengangkutan (TMP) di Pulau Pinang adalah lebih mahal berbanding cadangan pelaksanaan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) sebelum ini dengan nilai RM55 bilion.

Kon Yeow berkata, TMP adalah terdiri daripada pintasan lebuh raya *Pan Island Link 1* (PIL1), jajaran transit aliran ringan (LRT) serta beberapa lagi jenis pengangkutan awam moden lain.

Sedangkan, ulasnya, ECRL adalah keretapi laju di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia semata-mata.

"Tuduhan (Najib) itu terpesong (kerana) mereka bandingkan epal dengan oren, tiada kriteria perbandingan yang sama.

"Tentulah lebih mahal ECRL dengan harga lebih RM50 bilion berbanding projek kita (PIL1) yang dianggarkan RM7 bilion hingga RM8 bilion," tegas Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi di luar perkarangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 9 Ogos lalu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong menjelaskan perkara itu kepada pemberita sebelum menyertai persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama DUN Pulau Pinang Ke-14.

Di sini juga, Kon Yeow menerima memorandum sokongan terhadap hasrat Kerajaan Negeri melaksanakan TMP, daripada Mohd. Nasruddin Sultan, iaitu jurucakap sekumpulan pekerja industri yang saban hari bekerja menempuh trafik sesak di Zon Perindustrian Bayan Lepas.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, PIL1 mempunyai dua terowong berbanding ECRL yang mempunyai satu lorong sahaja.

Tambahnya, PIL1 adalah enam lorong pintasan lebuh raya, berbanding landasan berkembar dalam projek ECRL.

Kon Yeow dalam pada itu turut menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan tender terbuka dalam PIL1, berbanding pentadbiran Najib dahulu yang mengamalkan rundingan lansung bagi ECRL.

Tambahnya, pelaksanaan PIL1 di kawasan perbandaran tentu membabitkan kos-kos lain seperti pengambilan tanah, pampasan dan utiliti, berbanding ECRL di kawasan hijau yang belum diteroka secara meluas.

"Kos PIL1 serta projek-projek pemajuan bercampur lain dalam TMP adalah dibiayai melalui cadangan penambakan laut di selatan pulau, manakala bagi ECRL pula dibiayai melalui pinjaman asing dari China.

"Mana boleh bandingkan epal dengan oren," seloroh Kon Yeow yang juga Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang sambil melahirkan rasa hairan terhadap Najib kerana baru-baru ini begitu memberi perhatian terhadap isu TMP.

# DUN Pulau Pinang namakan Hui Ying, Yusmadi sebagai Ahli Dewan Negara baru

Gambar : **ALVIE CHENG**



LIM Hui Ying (barisan depan, tiga dari kanan) dan Yusmadi Yusoff (barisan pertama, dua dari kanan) berjabat tangan sambil diperhatikan Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sejurus pembentangan usul pemilihan sebagai Ahli Dewan Negara di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sebulat suara bersetuju dengan usul penamaan Setiausaha Parti Tindakan Demokratik (DAP) Pulau Pinang, Lim Hui Ying dan bekas Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff sebagai Ahli Dewan Negara, yang bakal membawa gelaran 'Senator'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri yang mengemukakan usul pemilihan Ahli Dewan Negara, lalu disokong Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Menurut Kon Yeow, Hui Ying merupakan ahli biasa DAP pada tahun 1999, pernah diberi kepercayaan oleh pemimpin parti, termasuk menjawat jawatan Naib Pengerusi DAP Pulau Pinang, Penolong Setiausaha dan Pengarah Kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) dan PRU14.

Yusmadi pula, menurutnya, adalah pengamal undang-undang bertauliah dan merupakan ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Tambah beliau, Hui Ying dan Yusmadi bakal menggantikan dua Ahli Dewan Negara yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 1 Jun 2018, iaitu Siti Aishah Shaik Ismail (PKR) dan Dr. Ariffin S. M. Omar (DAP).

# Kerajaan Negeri sedia kaji cadangan bina tangki takungan air bawah tanah - Exco

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri sedia mengkaji cadangan penggunaan tangki takungan air bawah tanah iaitu suatu sistem tebatan banjir di Taman Centenary, Universiti Chulalongkorn, Thailand yang mampu menampung 3,785 meter padu air hujan sebagai salah satu usaha mengatasi masalah banjir di negeri ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, menerusi penggunaan tangki takungan berkenaan, air hujan akan 'disumbat' seberapa banyak mungkin ke dalamnya dan kemudian 'ditelan' secara perlahan-lahan melalui pam yang akan mengalirkan air ke sungai.

"Saya telah ke Bangkok baru-baru ini dan telah menerima taklimat mengenai projek tebatan banjir di negara itu termasuk penggunaan tangki takungan air bawah tanah ini.

"Dalam Bahasa Thai, ia dipanggil *'kaem ling'* yang bermaksud 'pipi monyet' iaitu dengan meminjam analogi monyet yang sedang memakan pisang, rakan-rakan lain cuba merampas pisang itu maka ia akan terus menyambar sebanyak mungkin pisang sebelum kunyah secara perlahan-lahan.

"Saya setuju bahawa projek ini amat menarik, bukan sahaja dari segi fungsinya untuk memitigasikan banjir, tetapi juga dari segi aestetik dan rekreasi kerana taman itu juga boleh digunakan oleh orang awam semasa tidak hujan," ujarnya pada sesi penggulungan sempena persidangan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Zairil berkata, kajian menyeluruh adalah perlu termasuk mengkaji kebolehlaksanaan penggunaan tangki takungan bawah tanah itu sebagai syarat bagi pemajuan-pemajuan akan datang memandangkan kos pembinaannya yang tinggi iaitu lebih daripada RM300 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, Zairil memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan RM9.6 juta bagi melaksanakan projek Kolam Takungan Alma yang mampu menampung air hujan dengan *average recurrence interval* atau ARI 50 tahun dan dijangka dapat mengurangkan larian air sebanyak 50 peratus daripada kawasan hilir.

Mengenai Empangan Mengkuang yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin, Zairil memberitahu, kelewatan penyerahan kepada Kerajaan Negeri adalah disebabkan kerja-kerja pembesaran empangan itu yang dilanjutkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) ke 16 November tahun hadapan (2019).

"Dalam erti kata lain, kelewatan penyerahan Empangan Mengkuang bukanlah disebabkan oleh Kerajaan Negeri.

"Sebaliknya, segala kecacatan yang berlaku dalam tempoh ini, termasuk cerun-cerun yang bermasalah, kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan lain dalam kawasan Empangan Mengkuang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang kini dikenali sebagai Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

"Kerja-kerja pembesaran Empangan Mengkuang bermula pada 1 Ogos 2011 dan dijadualkan siap pada 31 Julai 2016, namun tarikh siap sebenar adalah 10 April 2017 dengan DLP berakhir 16 November 2019," jelasnya.

# Skuad Pemantau Pengguna bakal diaktifkan semula




**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang berhasrat mengaktifkan semula Skuad Pemantau Pengguna yang pernah ditubuhkan dekat setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini sebelum ini.

Menurut Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di 40 KADUN boleh memanfaatkan skuad tersebut bagi membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kerajaan Negeri memantau harga barang serta menegakkan hak-hak pengguna.

Beliau menyatakan perkara itu ketika sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di sini pada 9 Ogos 2018, sebagai menjawab soalan yang dikemukakan oleh ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

"Walau bagaimanapun, tugas Pemantau Pengguna bukan sahaja setakat memantau harga barangan, sebaliknya termasuk menjaga aspek alam sekitar, kebersihan dan kesihatan di peringkat komuniti," katanya.

Tambah Abdul Halim yang juga ADUN Batu Maung, semua pihak yang prihatin boleh menyalurkan maklumat kepenggunaan termasuk isu harga barangan kepada Pejabat KPDNHEP Negeri Pulau Pinang di Bangunan Syed Putra di sini.

"Di samping itu, program pendidikan hak-hak pengguna melalui sekolah juga boleh dilaksanakan supaya bidang kuasa para pengguna diperkenalkan kepada generasi muda sejak di bangku sekolah," jelasnya.

Sebagai rekod, terdapat seramai 135 Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pulau Pinang turun padang bagi menjalankan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan terhadap semua jenis barangan serta perkhidmatan di premis perniagaan melibatkan premis pasar basah, kedai runcit, pasar raya dan pasar raya besar.

# Program kebajikan komitmen berterusan utamakan rakyat



PHEE Boon Poh (barisan depan, kanan sekali) memerhatikan gelagat beberapa barisan kepimpinan pada persidangan DUN baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Sejak 2009, Kerajaan Negeri komited menjalankan pelbagai program kebajikan bagi memastikan rakyat Pulau Pinang menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Bermula dengan Program Penghargaan Warga Emas (2009), keprihatinan Kerajaan Negeri diteruskan lagi dengan Program Bantuan Ibu Tunggal (2011), Program Bantuan OKU (2011), Program Anak Emas (2011), Skim Pelajar Emas (2012) dan Program Ibu Emas (2014).

Menurut Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, pelaksanaan program-program berkaitan membolehkan rakyat menikmati hasil penjimatan Kerajaan Negeri menerusi penerapan amalan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) di dalam pentadbiran.

"Setiap program bantuan mempunyai modul khusus yang dibangunkan dalam sistem i-Sejahtera dan meliputi semua lapisan masyarakat.

"Ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat di negeri ini," ujarnya pada sesi penggulungan persidangan Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.

Jelasnya, secara keseluruhan, sejumlah RM249,453,140 telah dibelanjakan sehingga Ogos 2018.

"Malah, sejak 2009 juga, Kerajaan Negeri melalui Agenda Ekonomi Saksama (AES) atau dahulunya dikenali Program Pembasmian Kemiskinan masih konsisten dilaksanakan tanpa prejudis walaupun di kawasan pembangkang.

"(Dan) setakat Julai 2018, Kerajaan Negeri membelanjakan RM29,925,010 atau secara keseluruhan 1,116 individu atau keluarga masih menerima bantuan ini," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

# Sektor pertanian sumbang RM1.54 bilion kepada KDNK negeri - Exco

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sektor pertanian berjaya menyumbang sebanyak RM1.54 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri Pulau Pinang pada tahun 2017, kata Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Jelasnya, jumlah itu meningkat sebanyak RM40 juta berbanding tahun sebelumnya, RM1.5 bilion.

"Sektor pertanian di negeri ini telah mengeluarkan sejumlah 113,741.71 tan metrik produk pertanian merangkumi florikultur, herba serta rempah ratus, padi, sayur-sayuran, tanaman buah-buahan, tanaman industri dan tanaman ladang.

"Manakala sektor perikanan pula mencatatkan peningkatan sebanyak RM140 juta dari segi hasil iaitu daripada RM679 juta pada tahun 2016 kepada RM819 juta pada tahun 2017.

"Bagi sektor penternakan pula, jumlah hasil yang dicatatkan adalah berjumlah RM854.02 juta pada tahun lepas, iaitu meningkat sebanyak RM6.95 juta berbanding tahun 2016," katanya ketika sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di sini 9 Ogos lalu.




Selain itu, menurut Afif, sektor industri asas tani juga dilihat menjadi keutamaan bagi Kerajaan Negeri apabila pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk memperkasakan industri itu termasuk penganjuran beberapa program berskala besar.

"Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Seberang Perai Fiesta 2017 iaitu karnival industri asas tani dan makanan bertempat di Tapak Ekspo Seberang Jaya yang berjaya menarik kehadiran kira-kira 34,456 pengunjung dalam tempoh empat hari program berlangsung.

"Oleh itu, ia akan diteruskan pada tahun ini dengan tempoh penganjuran dilanjutkan kepada lima hari bermula 26 hingga 31 September 2018," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Tambah Afif, dalam meningkatkan lagi potensi industri asas tani di negeri ini, Kerajaan Negeri juga bakal menyertai program *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show* (MAHA) 2018 bertempat di MAEPS dekat Serdang, Selangor.

"Dengan penyertaan program-program seumpama ini, produk industri asas tani di negeri ini akan dapat memperluaskan rangkaian pasaran dan memperkasakan jenama keluaran Pulau Pinang.

"Ini juga adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri yang cakna kepada keperluan untuk memperkembangkan industri asas tani dalam kalangan usahawan-usahawan muda," jelas beliau.

## Harap Kementerian benarkan PPR Permatang Tok Subuh ditawar melalui kaedah sewa beli

**GEORGE TOWN -** Projek Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Subuh dan PPR Mak Mandin yang telah siap masih belum diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, jelas Jagdeep Singh Deo.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa itu bagaimanapun berkata, pihaknya telah menulis surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya PPR Permatang Tok Subuh boleh ditawarkan kepada rakyat melalui kaedah sewa beli.

"Sekiranya dilaksanakan, ia akan menambah unit sewa beli sedia ada Kerajaan Negeri iaitu di Taman Sungai Duri Permai dan Taman Seruling Emas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 pada 9 Ogos 2018.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri juga merancang untuk membina 187 unit Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis A di kawasan Mak Mandin dengan konsep sewa beli ini, selain menimbang untuk meluaskan konsep serupa kepada RMM Jenis C milik Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, jelasnya, Kerajaan Negeri menyelia 1,672 unit rumah sewa iaitu 760 buah di Ampang Jajar dan baki di Desa Wawasan (912).

Itu, tambah beliau, tidak termasuk 529 PPR Jalan Sungai yang diselia Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 250 unit PPR Ampangan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

## Kerajaan Negeri pertimbang tambahan pemberian ex-gratia kepada guru KAFA

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang bakal mempertimbangkan penambahan pemberian ex-gratia (bayaran) kepada Guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardhu 'Ain (KAFA) di negeri ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat, Dato' Ir, Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata demikian dalam teks ucapan penggulungan yang dibacakan oleh Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain semasa Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di sini 9 Ogos lalu.

Kenyataan tersebut adalah sebagai mengulas cadangan dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Muhammad Yusoff Mohd. Noor dan juga ADUN Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil semasa membahaskan ucapan perasmian Tuan Yang di-Pertua (TYT).

Ahmad Zakiyuddin yang juga Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pinang Tunggal menjelaskan, guru-guru KAFA pada masa ini menerima bayaran daripada Kerajaan Pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak RM900 sebulan, dan Kerajaan Negeri memberikan tambahan ex-gratia sebanyak RM50 sebulan.

## Pencerobohan vesel pukat kenka dua bot, KN tingkat usaha tangani bersama-sama DOF

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sedang berusaha menangani isu pencerobohan vesel pukat kenka dua bot di kawasan perairan negeri yang kini membelenggu para nelayan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian ketika sesi penggulungan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di sini 9 Ogos lalu.

"Antara pelan jangka pendek yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui program pemantauan dan pengawasan oleh Jabatan Perikanan merangkumi penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan negeri ini.

"Manakala, bagi pelan jangka masa panjang pula, Jabatan Perikanan Malaysia mengenakan kadar kompaun lebih tinggi sebagai langkah pencegahan mulai 1 Jun 2015 yang mana kadar kompaun dinaikkan kepada RM1,200 (kesalahan pertama), RM1,500 (kesalahan kedua) dan RM2,000 (kesalahan ketiga) berbanding hanya RM800, RM900 dan RM1,000.

"Mulai tarikh itu juga, lesen pihak berkaitan akan digantung selama setahun mulai dari kesalahan pertama dan peralatan akan turut dirampas bagi kesalahan ketiga dan kes akan dibawa ke mahkamah bagi mereka yang melakukan kesalahan kali keempat.

"Jika disabitkan kesalahan, lesen vesel akan dibatalkan di bawah Seksyen 33 dan vesel serta peralatan juga akan dilucut hak di bawah Seksyen 52 Akta Perikanan 1985," katanya sebagai menjawab persoalan dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim sebelum ini.

Tambah Afif, Jabatan Perikanan Malaysia juga telah memperketatkan syarat-syarat lesen di bawah kuasa Seksyen 10, Akta Perikanan 1985 bagi mengawal vesel pukat kenka *(Apollo)* selain mengambil langkah-langkah kawalan.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa tindakan membakar dan menenggelamkan vesel pukat kenka dua bot adalah tidak selaras dengan undang-undang sedia ada," tegasnya.

Difahamkan, pada tahun 2015, sebanyak 23 vesel pukat kenka yang menceroboh perairan kurang lima batu nautika dari perairan negeri telah ditahan dan dikenakan kompaun sewajarnya, manakala tiga vesel telah digantung lesen selama satu tahun.

# Kadar pengangguran kekal stabil pada kadar 2.1%



PROF. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) menyambut beberapa perwakilan yang mengadakan lawatan ke DUN.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kadar pengangguran di Pulau Pinang kekal stabil pada 2.1 peratus iaitu kedua terendah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada sesi Dewan Undangan Negeri (DUN) lalu sebagai jawapan balas kepada soalan diajukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga.

Ramasamy berkata, walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak memandang sepi masalah berkenaan, sebaliknya telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah pengangguran tersebut.

"Antaranya, melalui perkembangan pelaburan terbaharu dan pelaburan semula Pulau Pinang yang akan mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.

"Peluang pekerjaan yang diwujudkan sehingga Jun 2018 adalah sebanyak 13,553," ujarnya yang merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi dan Inovasi.




Selain itu, menurut Ramasamy, satu program baharu dinamakan *Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology* (@CAT) telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis permulaan perniagaan.

"Program ini bertujuan membantu usahawan kecil yang terlibat di dalam bidang kreatif animasi, analisis dan teknologi ataupun yang terlibat dalam sektor *Internet of Things* (IoT).

"Serentak itu, Kerajaan Negeri melalui CAT juga menjalankan pemadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja dengan yang ditawarkan oleh industri.

"Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Jun 2018, sebanyak 10,205 pemohon telah berdaftar yang mana sebanyak 6,430 pemadanan jawatan telah dijalankan," jelasnya.

# Kabaddi, promosi demi martabatkan sukan tradisional



SOON Lip Chee.

**GEORGE TOWN –** Persatuan Kabaddi Pulau Pinang memohon agar disediakan sebuah lokasi kekal sebagai tempat untuk menjalani latihan kepada atlet-atlet berkenaan.

Namun, bagi Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee ketika menjawab permohonan berkaitan menyatakan bahawa penyediaan pusat latihan kekal bukanlah menjadi keutamaan buat masa ini.

"Berdasarkan keadaan semasa, sukan kabaddi tidak dipertandingkan pada Sukan Malaysia (SUKMA), jadi kewajaran untuk menyediakan lokasi kekal masih belum menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri berbanding sukan-sukan berprestij tinggi lain yang menjadi pilihan utama pada kejohanan berkaitan," katanya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 baru-baru ini.

Menurut Lip Chee, sukan kabaddi kini berada di bawah naungan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

"MSNPP sentiasa membantu Persatuan Kabaddi Pulau Pinang berhubung pemberian subsidi berjumlah RM3,000 hingga RM5,000 bagi membolehkan pasukan tersebut menyertai pertandingan dari semasa ke semasa, dan pada masa sama membantu dalam pembayaran elaun latihan RM50 sebulan.

"Ini termasuk menyediakan lokasi latihan di Dewan Silat, MSNPP," jelasnya yang turut berhasrat untuk memartabatkan sukan tradisional berkaitan ke peringkat profesional sebagaimana disuarakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil dan ADUN Batu Uban, A. Kumaresan.

Serentak itu, Lip Chee turut berjanji untuk meneruskan kerjasama dengan Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan & Kesenian demi memajukan sukan tradisional ini.

## Pantai Robina bakal diremajakan semula, respons Exco Pelancongan

**GEORGE TOWN -** Kawasan pantai berhampiran Taman Robina yang pernah menjadi destinasi pelancongan asing daripada kalangan pegawai-pegawai tentera udara beberapa dekad lalu, bakal diremajakan semula oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata demikian ketika sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 di sini 9 Ogos 2018.

"Kerajaan Negeri akan saling bekerjasama untuk membangunkan semula pantai (berhampiran) Taman Robina," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Tambah Soon Hin, pihaknya turut akan berbincang dengan wakil-wakil berwajib untuk memulihara semula beberapa lagi jumpaan warisan ketara setempat, sebagaimana dibangkitkan oleh ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad sebelum itu.

## Komited tingkat perwakilan wanita dalam MPKK

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri komited meningkatkan perwakilan wanita dalam struktur Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) secara berperingkat dengan menyasarkan pembabitan lima individu dalam setiap MPKK menjelang tahun 2021.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, tujuan diperkenalkan dasar tersebut adalah bagi mencapai kesaksamaan gender dengan meningkatkan perwakilan wanita dalam struktur Kerajaan Negeri.

"Perwakilan wanita dalam MPKK mesti dipertingkatkan agar suara dan pandangan pemimpin (wanita) didengari serta dipertimbangkan.

"Ini akan memastikan program-program yang dijalankan di peringkat akar umbi juga akan mengambil kira keperluan golongan wanita, kanak-kanak, orang tua dan orang kurang upaya (OKU).

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang menerima pakai dasar seperti ini," ujarnya pada ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Keempat Belas di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu, untuk membina kapasiti pemimpin-pemimpin wanita dalam MPKK, Perbadanan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan siri bengkel pembinaan kapasiti serta kepimpinan golongan wanita untuk berkhidmat di MPKK.

"Menjelang tahun 2019, akan terdapat 183 jawatan di MPKK yang perlu dipenuhi golongan Hawa membabitkan kelima-lima daerah.

"Maka, adalah diseru supaya semua ADUN bersedia untuk menghantar nama calon-calon wanita untuk dilatih oleh PWDC ke arah usaha ini," seru beliau.

# Komited naik taraf pasar awam, tapak penjaja dan kompleks makanan demi manfaat semua

**PAYA TERUBONG –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertekad untuk terus memantau semua projek pasar awam, tapak penjaja dan kompleks makanan di negeri ini serta memastikan ia dinaik taraf sekiranya perlu demi manfaat semua.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, sejak 2008, Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM50.6 juta bagi membina dan menaik taraf 33 pasar awam, tapak penjaja dan kompleks makanan di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Malah, bagi kawasan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), beliau memberitahu, sejumlah RM10.2 juta diperuntukan bagi tujuan sama di Seberang Perai.

"Kerajaan Negeri sangat menitikberatkan keselesaan dan kemudahan rakyat di negeri ini, malah melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (MBPP dan MPSP), kita sentiasa merangka pelbagai strategi bagi membantu peniaga kecil dalam menjalankan aktiviti perniagaan di ruang niaga yang lebih moden dan komprehensif.

"Bukan itu sahaja, MBPP juga kini dalam proses pembinaan dan menaik taraf tiga tapak penjaja dan pasar awam iaitu di Batu Ferringhi, Teluk Kumbar dan Taman Free School.

"MPSP pula dalam proses pembinaan dan naik taraf enam tapak penjaja dan pasar awam di Seberang Jaya, Bukit Mertajam dan Taman Sentosa di Seberang Perai Selatan," ucapnya pada Majlis Perasmian Bangunan Pasar Awam dan Kompleks Penjaja di Tingkat Paya Terubong 4 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; ADUN



**ILUSTRASI artis pandangan Pasar Awam dan Kompleks Penjaja Paya Terubong.**

Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan wakil pemaju, John Tan Kok Hooy.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan perasmian berkaitan berkata, pasar awam dan kompleks makanan di atas Lot 8826 dekat sini dibiarkan terbengkalai lebih 30 tahun.

"Projek naik taraf ini sepatutnya siap pada April tahun hadapan, namun, atas komitmen yang tinggi, projek ini berjaya memperoleh Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 23 Julai lalu dan majlis pecah tanah disempurnakan pada 14 Mei 2016 dengan kos RM8 juta.

"Bukan sahaja projek pasar awam di Paya Terubong ini berjaya dipulihkan, malah Kerajaan Negeri turut menyelamatkan beberapa projek lain di bawah pakej sama iaitu pangsapuri Majestic Heights Fasa 2A membabitkan 370 unit rumah," ujarnya yang turut memuji pihak pemaju kerana berjaya menyempurnakan projek ini lebih awal.

Serentak itu, Kon Yeow turut berharap agar para peniaga dapat segera memenuhi unit-unit gerai di Pasar Awam dan Kompleks Penjaja Paya Terubong berkaitan sebelum ia dibuka kepada umum tidak lama lagi.

Difahamkan, pihak pengurusan terdahulu membiarkan projek yang kononnya menjadi nadi Bandar Satelit Pulau Pinang itu terbengkalai setelah muflis pada 1997, sehinggalah Kerajaan Negeri Pakatan mengambil alih pengurusan pada 2008.

# SPU sebagai hab agropelancongan berpotensi tinggi wilayah utara, cadang Timbalan Menteri MOA

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PERMATANG BERANGAN –** Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani (MOA), Sim Tze Tzin mencadangkan agar kawasan Seberang Perai Utara (SPU) dijadikan sebagai hab agropelancongan berpotensi tinggi bagi wilayah utara.

Cadangan itu diutarakan beliau semasa mengadakan lawatan kerja ke Pusat Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda di sini 27 Julai lalu.

Menurut Tze Tzin, SPU berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai kawasan agropelancongan memandangkan lokasi itu mempunyai tanah pertanian luas termasuk aktiviti penternakan yang menjadi pusat pembekalan makanan utama kepada negara.

"Saya mempunyai impian supaya kawasan SPU ini dijadikan pusat atau hab utama agropelancongan untuk wilayah utara yang mempunyai jumlah kepadatan penduduk seramai 5 hingga 6 juta orang.

"Di samping mengekalkan kawasan ini sebagai pusat



**SIM Tze Tzin (dua dari kiri) dan Dr. Afif Bahardin (empat dari kanan) menunjukkan hasil tuaian bendi bersempena lawatan kerja ke pusat TKPM Ara Kuda di sini baru-baru ini.**

membekalkan makanan utama, perlu ada elemen baru untuk meningkatkan pendapatan para petani, penternak mahupun pekebun di sini iaitu dengan mewujudkan aktiviti agropelancongan.

"Oleh sebab itu, jika ibu bapa sanggup membawa anak-anak mereka ke sini, maka kawasan ini boleh dihidupkan sebagai kawasan agropelancongan," ujarnya sambil mengambil contoh pelaksanaan agropelancongan di Sekinchan, Selangor yang disifatkan beliau adalah sebagai sangat berdaya saing.

Hadir sama pada lawatan itu, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Rozaidi Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kulim, Yeo Keng Chuan; wakil-wakil agensi berkaitan pertanian daripada Kerajaan Negeri serta Persekutuan, para petani dan ramai lagi.

Mengulas lanjut, Tze Tzin yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru menyatakan bahawa Kerajaan juga berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak pusat TKPM di negeri ini kerana ia mempunyai kemudahan teknologi baik untuk membangunkan industri pertanian.

"Ini kerana di mana-mana dunia termasuk negara yang paling maju dari segi teknologi dan perindustrian, mereka juga maju pada aspek pertanian seperti Jepun dan Amerika Syarikat.

"Jadi, dari segi pertanian kita bukan sahaja menjadi negeri pengeluaran hasil pertanian, malah kita (Pulau Pinang) juga harus menjadi pusat pengeluaran benih yang berjaya," katanya.

Dalam pada itu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang turut hadir pada lawatan berkaitan menyifatkan TKPM Ara Kuda sebagai yang paling berjaya di negara ini kerana berjaya memperoleh penarafan lima bintang.

"Walaupun Pulau Pinang merupakan negeri yang agak kecil dan mempunyai banyak isu berkaitan tanah, tapi saya percaya dengan adanya teknologi baru dan kerjasama baik antara usahawan tani dengan Jabatan Pertanian serta agensi-agensi yang ada, kita (Pulau Pinang) mampu menghasilkan produk dengan kuantiti dan kualiti yang tinggi seperti penghasilan padi," jelas ADUN Seberang Jaya itu.




# PBAPP sasar 100% operator pengendali air cekap

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 75 peratus iaitu kira-kira 400 operator pengendalian air di bawah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mempunyai kecekapan dan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT).

Perkara tersebut dimaklumkan Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa selepas menghadiri Promosi Program SKM-PPT Malaysia Water Academy (MWA) Zon Utara di sini 30 Julai lalu.

Jaseni berkata, pihaknya (PBAPP) mensasarkan untuk terus meningkatkan kualiti operasi melalui 100 peratus pengendalian pekerja cekap menjelang tahun hadapan.

"Bagi operator pengendalian air, margin untuk kesilapan manusia akan sentiasa rendah, manakala impak sosial dan kos ekonomi untuk kesilapan itu akan sentiasa tinggi.

"Dalam konteks ini, latihan kompetensi dan pensijilan adalah keperluan kritikal untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik," ujarnya.



**IR. Jaseni Maidinsa (barisan pertama, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil berkaitan dan jemputan Promosi Program SKM-PPT Malaysia Water Academy (MWA) Zon Utara di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Presiden Persatuan Air Malaysia (MWA), Datuk Ir. Abdul Kadir Mohd. Din dan Dr. Hapidah Mohamed (Pengerusi Eksekutif MWA).

Hampir 300 operator pengendalian air dari PBAPP, Syarikat Air Perlis (SAP) dan Syarikat Air Darul Aman (SADA) terlibat dalam program SKM-PPT MWA peringkat Zon Utara.

Pada sidang media sama, Jaseni menegaskan bahawa pengendali air yang bertanggungjawab mesti bersedia untuk melabur dalam merekrut, melatih dan mengekalkan kakitangan yang kompeten dalam melaksanakan tugas yang betul dengan cara yang betul, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.

"Oleh kerana air merupakan unsur penting untuk kehidupan seharian dan aktiviti sosioekonomi, bekalan air adalah perkhidmatan awam yang penting.

"Walau bagaimanapun, kejuruteraan bekalan air adalah bidang (kejuruteraan) khusus yang memerlukan latihan, kemahiran dan pengetahuan tertentu," jelasnya sambil menyatakan bahawa untuk melahirkan pekerja yang kompeten, PBAPP sejak tahun 2007 mempunyai sebuah Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA).

Dalam tempoh 11 tahun lalu, PWSA telah merekodkan seramai 3,548 pelatih yang mana ia telah melatih kakitangan daripada 11 operator air di Malaysia, badan pengawal selia bekalan air (4), jabatan kerajaan (2), institut vokasional (4) serta pelatih luar negara dari Indonesia, Myanmar, Nepal serta Vietnam.

Dalam pada itu, menurut Hapidah, program SKM-PPT adalah pensijilan kecekapan yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

"Program tersebut membolehkan para pekerja berpengalaman serta mahir mendapatkan pensijilan peringkat SKM tanpa perlu menjalani latihan vokasional formal atau sepenuh masa, dan ia tersedia untuk pekerja mahir yang memenuhi semua keperluan ditetapkan di bawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)," katanya.


HAK MILIK KEKAL

TAMAN CASA UTOPIA
LOVE · PASSION · NATURE

DIBUKA UNTUK JUALAN
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA




Pemaju :
SV GROUP
Pembangunan Rasa Sempurna Sdn Bhd (937804-M)
No 3, Lorong Perniagaan 2, Pusat Perniagaan Sungai Dua,
13800 Butterworth. Faks : 04-356 7313
Talian Utama : +6011-3404 1555 / 1666

• No Lesen Perumahan : 14182-1/12-2018/02827(L) • No Permit Iklan Dan Jualan : 14182-1/12-2018/02827(P) • Tempoh Sah : 11/12/2017 - 10/12/2018
• Tarikh Dijangka Siap : Jun 2019 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan : MPSP • No Pelan Bangunan : MPSP/40/20-16/22 • Sekatan-sekatan Kepentingan : Tiada
• Bebanan Tanah : CIMB • Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal • Kondominium • Jumlah Unit : 122 • Jumlah Unit Yang Masih Belum Dijual : 98
• Harga : (Min) Rm431,000 (Max) Rm717,000 • Rumah Bandar • Jumlah Unit : 26 • Jumlah Unit Yang Masih Belum Dijual : 5
• Harga : (Min) Rm479,000 (Max) Rm828,000 • Diskaun 5% Untuk Bumiputera • "Iklan Ini Telah Diluluskan Oleh Jabatan Perumahan Negara"

Semua pelan, spesifikasi dan maklumat yang terkandung di dalam iklan ini tertakluk kepada perubahan dan tidak merupakan sebarang perjanjian kontrak. Semua lukisan adalah gambaran artis sahaja. Walaupun langkah-langkah yang berpatutan telah diambil, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas segala ketidakjituan.

# CAT Sungai Dua bakal manfaat mahasiswa USM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

**BATU UBAN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini meneruskan kesinambungan perkhidmatan bas percuma CAT *(Congestion Alleviation Transport)* bagi laluan Sungai Dua - Universiti Sains Malaysia (USM).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan ketika ditemui menzahirkan rasa teruja apabila perkhidmatan bas percuma tersebut bukan sahaja bakal memberikan manfaat kepada mahasiswa di USM, malah juga buat penduduk setempat di sepanjang laluan berkaitan.

"Pertama kali Kerajaan Negeri melancarkan bas percuma CAT di Kampus USM, dan ia adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang," ujarnya pada majlis pelancaran CAT dekat Padang Kawad, USM di sini baru-baru ini.



A. Kumaresan (berkemeja putih) merakamkan gambar kenangan bersama-sama kakitangan USM, Rapid Penang dan sebahagian mahasiswa yang mencuba perkhidmatan CAT pada Majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (TNC) USM, Prof. Datuk Dr. Abdul Rahman Mohamed dan Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang), Mohd. Azmi Abdullah.

Dalam pada itu, Kumaresan menjelaskan bahawa pada setiap bulan, Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak RM120,000 untuk menampung kos perkhidmatan lima bas CAT yang digunakan di KADUN Batu Uban sahaja.

"Laluan CAT Sungai Dua - USM ini adalah berkonsepkan *'loop'* sepanjang 13 kilometer (km), iaitu bermula dan berakhir di Padang Kawad USM dari jam 6.30 pagi sehingga 11.45 malam setiap hari," jelasnya.




PETA laluan CAT Sungai Dua.

Antara kawasan yang dilalui termasuk Taman Pekaka, *Tesco Extra*, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Keong Hoe, Taman Jubilee, Taman Lip Sin, Kompleks Bukit Jambul, *I-Avenue*, Hotel Alora, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Nibong, SJKC Kwang Hwa, Masjid Jamek Sungai Nibong, *Queensbay Mall*, Terminal Bas Sungai Nibong dan SMJK Phor Tay.

Manakala, jalan-jalan terlibat ialah Jalan Bukit Gambir, Jalan Pekaka, Jalan Sungai Dua, Lengkok Nipah, Jalan Bukit Gambir, Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Kampung Relau, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Aziz Ibrahim, Persiaran Bayan Indah, Jalan Sungai Dua dan Jalan Universiti.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>n13berapit@gmail.com | (T) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>n27dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>sungaipinang@dappg.org | (T) 04 - 282 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Arumugam | (T) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




15hb - 16hb September 2018
***Comic Fiesta***

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



**Layari**

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Semarakkan semangat kemerdekaan, pulih ekonomi dan jadikan Malaysia *'Asian Tiger'* kembali – Tun M

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LIAM WONG**

**GEORGE TOWN -** Sempena sambutan Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di Pulau Pinang, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa kerajaan dan rakyat mesti saling bekerjasama dalam memulihkan ekonomi negara sehingga Malaysia dikenali sebagai *'Asian Tiger'* semula.

"Kerajaan pilihan rakyat berjanji akan berusaha sungguh-sungguh untuk mengembalikan negara bertuah ini sehingga menjadi *'Asian Tiger'* semula.

"Kita yakin kita boleh, jika tidak sepenuhnya tetapi meletakkan balik ke jalan yang dapat membawa kita ke arah itu.

"Negara kita selamat daripada pemerintahan kleptokrasi dan rakyatlah yang menyelamatkan negara ini," ucapnya ketika merasmikan sambutan berkaitan di Padang Kota Lama di sini 4 Ogos lalu.

Tambah Mahathir, rakyat pada semua peringkat seharusnya sabar serta memberi kepercayaan kepada pentabdiran Kerajaan Persekutuan hari ini, dalam memulihkan semula ekonomi negara.



**TUN Dr. Mahathir Mohamad, Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Chow Kon Yeow dan barisan kepimpinan pada sambutan Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di sini baru-baru ini.**

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Mahathir kerana Pulau Pinang pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lalu dipilih sebagai negeri berlangsungnya acara Persekutuan kali ini, dengan tema 'Sayangi Malaysiaku'.

"Sebagai warganegara, kita perlu bersyukur kerana menjadi rakyat negara ini, yang merdeka, harmoni dan sejahtera.

"Setelah sekian lama ditinggalkan oleh program-program arus perdana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, pemilihan Pulau Pinang sebagai negeri pelancaran program ini adalah bermakna," ujarnya.

Turut berucap, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, anggota-anggota kabinet jemaah menteri; Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Muhamad Ariff Md. Yusof; Ketua Setiausaha Negeri, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen Malaysia turut sertai majlis tersebut.

Selain menyaksikan pelbagai persembahan pentas, Mahathir turut menyempurnakan acara pelepasan Konvoi Kembara Merdeka membabitkan 20 kenderaan dan 40 motosikal berkuasa tinggi.

## Pembesaran PIA, Kerajaan Negeri sedia dan ingin kerjasama dengan Pusat

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengalu-alukan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas dapat dilaksanakan segera.

Menurut beliau, melalui jawapan bertulis yang diterima pada sesi Dewan Rakyat 23 Julai lalu, Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang merancang untuk melaksanakan *'terminal optimization'* bagi mengurangkan kesesakan penumpang terutama ketika waktu puncak sebagai langkah mitigasi jangka pendek.

"Dalam jawapan bertulis yang saya terima, Kementerian Pengangkutan mengakui bahawa PIA yang ada kini direka untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun.

"Namun, jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2017 mencapai 7.2 juta penumpang iaitu 111 peratus daripada kapasiti sedia ada, dan Kerajaan (Persekutuan) menyatakan komitmen bagi menyelesaikan masalah kapasiti di PIA dengan mengambil langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang," ujarnya pada sidang media di sini 25 Julai lalu.

Jelas Kon Yeow, buat masa ini, MAHB masih dalam proses penyediaan dokumen tender bagi melantik kontraktor dan kerja-kerja pengubahsuaian akan mengambil masa sehingga lima bulan untuk siap pada Februari 2019.

Sebagai langkah panjang pula, beliau menyatakan, MAHB mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 6.5 juta penumpang setahun (mppa) kepada 12 mppa.

"(Dan) pihak MAHB sedang melaksanakan proses lantikan juruperunding yang dijalankan melalui proses tender terbuka.

"Segala perincian kos keseluruhan projek pembesaran PIA adalah tertakluk kepada kajian terperinci yang akan dilaksanakan oleh juruperunding dilantik mengikut kaedah pembiayaan dipilih," katanya merujuk kepada jawapan bertulis diterima.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, buat masa ini, pertambahan bilangan penumpang adalah pada kadar 10 peratus setiap tahun, dan berharap agar projek pembesaran PIA berkaitan dapat melibatkan Kerajaan Negeri juga.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia dan ingin memberi kerjasama dalam projek pembesaran PIA ini, tambahan pula Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah memperoleh tanah di kawasan sekitar lapangan terbang melalui pengambilan tanah masa lalu.

"Jadi saya harap, pihak MAHB dapatlah menghubungi Kerajaan Negeri atau PDC untuk sama-sama merealisasikan pembesaran PIA. Ini kerana dengan kadar penumpang yang bertambah setiap tahun menjadikan keadaan ini adalah amat mendesak (untuk projek pembesaran itu)," ujarnya sambil menyatakan kesediaan Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan MAHB.



# Oliver Cuthbert Samuel, penaik bendera 'Merdeka' 31 Ogos 1957

**MENJELANG** ulang tahun ke-61 kemerdekaan negara, mungkin ramai dalam kalangan kita tidak kenal gerangan Oliver Cuthbert Samuel, 84.

Veteran tentera laut itulah yang menurunkan bendera Union Jack di Dataran Merdeka, dekat perkarangan hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur pada 31 Ogos 1957.

Bangunan bersejarah itu, kini dikenali sebagai Kelab Di-Raja Selangor.

Samuel, dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini memberitahu, beliau juga yang dipertanggungjawabkan untuk mengibarkan bendera Persekutuan Tanah Melayu ketika itu.

Turut serta, jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** dan juruvideo, **CHAN KOK KUAN**.

Dengan kibaran bendera tanah air, kini dikenali sebagai 'Jalur Gemilang', maka berakhirlah era penjajahan tanah air di bawah kolonial British.

"Saya menurunkan Union Jack, melambangkan akhir pemerintahan British di Malaya, dan menyerahkan bendera itu kepada pegawai tentera British.

"Saya agak-agak lebih kurang 40,000 ada di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur ketika itu.

"Dan, seingat saya ada yang memanjat pokok untuk menyaksikan laungan kemerdekaan ketika itu," katanya mengimbau kembali peristiwa bersejarah yang berlaku pada 31 Ogos 1957.

Mengimbau kenangan, kata Samuel, Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang memimpin laungan 'Merdeka!', diikuti oleh rakyat berbilang kaum.

Selain dirinya, Samuel memberitahu bahawa dua anggota lain turut memegang bendera, iaitu Lt. Kom. Mohd Sharif Kalam and Ketua Pegawai Rendah Tentera Laut, Awang Mohd. Salleh.

"Saya masih ingat bagaimana sorakan orang ramai ketika bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan.

"Secara peribadi, saya sendiri sangat gembira dan teruja apabila menyaksikan negara mengecapi kemerdekaan.



GAMBAR bersejarah menunjukkan Oliver Cuthbert Samuel di Dataran Merdeka pada 31 Ogos 1957.

"Bagaimanapun, saya tidak terlalu emosi, memadai rasa bangga kerana dipilih menjadi salah seorang yang mengibarkan bendera tanah air," jelasnya sambil menyatakan bahawa beliau pada tahun 1971 menerima anugerah Pingat Pangkuan Negara daripada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong.

Ujarnya, beliau dipilih menaikkan bendera negara ketika itu adalah kerana dilatih dengan prosedur yang betul serta telah mempelajari kod dan protokol antarabangsa untuk menaikkan bendera.



OLIVER Cuthbert Samuel menunjukkan pingat-pingat kebesaran yang diterima beliau.

Samuel adalah anak kelahiran Ipoh, Perak, tetapi wawancara bersamanya baru-baru ini diadakan di Taman Chai Leng, Perai.

Beliau pernah melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris kerajaan di Tapah selama setahun, sebelum mengambil keputusan menyertai Angkatan Tentera Laut Malaysia ketika berusia 18 tahun, pada 1952.

Pada tahun 1959, beliau bertemu Tan Gim Choo dan mereka berkahwin setahun kemudian.

Samuel bersara pada tahun 1974, ketika bertugas di Singapura.

Selepas itu, beliau pernah bekerja sebagai pegawai pentadbiran, penolong pengurus dan pengurus dalam tiga firma keselamatan yang berbeza; sebelum bersara sepenuhnya ketika usia 63 tahun pada 1997.

Hasil perkahwinan, Samuel dan isteri dikurniakan tiga cahaya mata, semuanya lelaki dan lima cucu.

Menjelang kemerdekaan 31 Ogos ini, Samuel mengaku beliau meraikan hari bermakna itu dengan pelbagai perasaan.

"Saya dan kawan-kawan mendengar tentang serangan hendap yang berlaku di Tanjung Malim, beberapa anggota keselamatan dan orang awam terbunuh dalam serangan hendap.

"Cukup sakit hati apabila melihat tubuh mereka terbujur di hospital pada ketika itu.

"Selepas menyaksikan tragedi yang menyedihkan, saya memutuskan untuk berkhidmat dengan negara, dengan menyertai tentera.

"Akhirnya saya menyertai tentera, demi melindungi sempadan tanah air serta mempertahan kedaulatan negara, dan hari ini saya bangga apabila mengenangkan peristiwa yang terjadi menjelang 31 Ogos 1957," ujarnya dalam nada sebak berbaur gembira.

## Harap RM150 juta peruntukan Pusat bagi RTB Sungai Pinang disalurkan segera

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berharap peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM150 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dapat disalurkan segera.

Menurut Jagdeep, pengumuman berhubung peruntukan RM150 juta itu dibuat oleh mantan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Parlimen pada 7 November 2016.

"Walaupun kita memerlukan dana RM600 juta bagi menyempurnakan fasa RTB Sungai Pinang yang sudah tertangguh lama...hampir 20 tahun, pengumuman peruntukan itu sekurang-kurangnya dapat memulakan fasa berikutnya.

"(Dan) Menteri Kewangan, Lim Guan Eng baru-baru ini memaklumkan bahawa peruntukan tersebut telah tersedia (setelah diluluskan pada tahun 2016), namun tidak dapat disalurkan kerana didapati kontraktor yang dilantik oleh pentadbiran terdahulu tidak melalui tender terbuka, sebaliknya lantikan terus.

"Jadi, beliau (Guan Eng) memberi komitmen bahawa peruntukan itu akan disalurkan awal tahun hadapan setelah lantikan kontraktor baharu dibuat melalui tender terbuka tidak lama lagi," ujarnya pada sidang media di sini 31 Julai lalu.

Jagdeep yang juga Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa dalam pada itu berharap agar peruntukan tersebut dapat disalurkan segera.

"Saya amat berterima kasih kepada Menteri Kewangan kerana menyatakan komitmen untuk membantu menyempurnakan RTB Sungai Pinang ini, namun, saya berharap agar peruntukan tersebut dapat disalurkan segera, tahun ini kalau boleh.

"Hal ini kerana, Fasa 1 telahpun disempurnakan pada tahun 1999, tetapi Kerajaan Persekutuan dahulu langsung tidak ada usaha untuk meneruskan RTB Sungai Pinang ini sehinggakan rakyat terpaksa menanggung sengsara setiap kali banjir kilat khasnya di kawasan saya (KADUN Datuk Keramat).

"Malah, Kerajaan Negeri Pakatan pada 2015 membantu dengan menempatkan semula 223 penduduk dan lebih 100 struktur sepanjang jajaran Sungai Pinang bagi membolehkan kerja-kerja fizikal pendalaman dan pelebaran dapat dijalankan...tetapi hampa.

"Maka, dengan adanya Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan, saya percaya masalah banjir di kawasan Datuk Keramat dapat ditangani," jelasnya.

Terdahulu, Jagdeep memaklumkan dalam kejadian banjir kilat yang berlaku pada 30 Julai 2018, beberapa *hotspot* yang sering dinaiki air terjejas antaranya di Jalan P. Ramlee, Kebun Lama, Kampung Makam, Jalan Gemas dan Taman Free School.

"Kawasan ini sudah tidak asing lagi, sering dilanda banjir kilat sejak 20 tahun lalu lagi, dan dalam kejadian semalam (30 Julai 2018) ia berlanjutan selama hampir sehari.

"Kejadian itu hanya banjir kilat, bukanlah banjir besar seperti yang berlaku pada September dan November tahun lalu akibat pertembungan monsun.

"(Dan) pasukan saya juga telah bergegas membantu penduduk terjejas dengan mengedarkan makanan sebanyak 3,000 paket, malah pihak MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) juga mengambil tindakan pantas membersihkan kawasan terbabit," katanya.

Difahamkan, sejak 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah melaksanakan 35 projek tebatan banjir pada skala kecil dan sederhana bagi menangani masalah banjir kilat yang sering terjadi di sepanjang jajaran Sungai Pinang.

# Bengkel E-Commerce II anjuran PWDC dapat sambutan

**BENGKEL** E-Dagang II atau *E-Commerce Workshop II* bagi tahun 2018 anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah diadakan di Politeknik Seberang Perai dengan penyertaan kira-kira 50 peserta daripada pelbagai latar belakang dan usia. Bengkel sehari itu mensasarkan golongan wanita dan lelaki yang berminat untuk mempelajari penggunaan internet bagi memulakan perniagaan dalam talian, e-dagang *(e-commerce)* serta untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka. YB Chong Eng, Exco Pembangunan Wanita dan Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam hadir menyampaikan ucapan perasmian. Hadir sama Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif PWDC.

Dalam mencapai keseimbangan ekonomi, penglibatan wanita dalam tenaga kerja amat penting kerana hampir separuh populasi penduduk rakyat Malaysia adalah wanita. Tetapi menurut YB Chong Eng, kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja tidak seimbang dengan jumlah wanita dalam populasi penduduk. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita di Malaysia adalah 54.7% pada 2017. Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Lelaki, 80.1%. Oleh itu, bengkel ini bertujuan untuk membuka peluang terutama bagi penduduk di Seberang Perai untuk mempelajari cara memasarkan produk dan perkhidmatan mereka melalui platform elektronik.

Tahun lalu, Program Pemberdayaan Ekonomi Wanita anjuran PWDC mengadakan dua program e-Rezeki dengan kerjasama MDEC *(Malaysia Digital Ekonomy Corporation)*. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan maklum balas daripada peserta, mereka mahukan lebih banyak program lanjutan diadakan. Dalam hal ini, tahun ini, PWDC meneruskan usahanya untuk memperkasakan ekonomi digital terutama bagi wanita melalui bengkel e-dagang ini. Diharapkan bengkal tersebut dapat memberikan pemahaman yang lebih baik kepada para peserta untuk menjadi usahawan yang berjaya.



**GAMBAR berkumpulan bersama-sama peserta *E-Commerce Workshop* di Politeknik Seberang Perai.**

Sesi pada sebelah pagi oleh Grace Yeoh mendapat sambutan yang baik melalui perkongsian dan pengalaman perniagaan e-dagangnya sebagai pemilik perniagaan 'tanpa francais', SHOP.COM. Sesi pada sebelah petang pula menyaksikan kembalinya Nic Sim dari *RedBox Studio* yang mengusahakan permainan board game yang dinamakan *'Big Timer'*, dimainkan seperti permainan *'Monopoly'*.

## Persidangan Women in Economy Conference 2018 - 'Rethinking Entrepreneurship for Today's Women'

- **24 – 25 September 2018**
- **HOTEL IXORA, Seberang Perai, Pulau Pinang**

**PERSIDANGAN** Women in Economy Conference 2018 - 'Rethinking Entrepreneurship for Today's Women' – adalah acara yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk wanita daripada pelbagai peringkat keusahawanan untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman, kepintaran dalam perniagaan dan kisah kejayaan dikecapi. Peserta dalam persidangan itu juga berkesempatan untuk berjumpa usahawan wanita dan lelaki yang berjaya, untuk mendengar, mengetahui bagaimana mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka sehingga menjadi usahawan berjaya hari ini.



**SIDANG akhbar bagi mengumumkan penganjuran Persidangan Women in Economy Conference 2018 oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.**

Persidangan yang berlangsung selama dua hari iaitu dari 24 hingga 25 September di Hotel Ixora, Seberang Perai ini juga merupakan peluang yang baik menambah rangkaian untuk wanita yang bercita-cita menjadi usahawan, mereka yang sudah dalam perniagaan dan ingin mengembangkan perniagaan serta bagi mereka yang mempunyai produk atau perkhidmatan untuk diniagakan. Tema persidangan adalah *'Rethinking Entrepreneurship for Today's Women'*. Y.A.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menyampaikan ucaptama pada hari pertama, manakala Cik Cynthia Hwang, Pengarah Eksekutif Kumpulan Suiwah Corp. Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif Sunshine Wholesale Mart Sdn. Bhd. akan menyampaikan ucaptama pada hari kedua.

Persidangan tersebut akan menjadi medan pertemuan yang penting untuk merencana polisi dan program yang menyokong penglibatan wanita dalam ekonomi di samping menumpukan bidang yang memerlukan input untuk pemerkasaan wanita dalam ekonomi. Persidangan ini juga dipandu oleh Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB): Matlamat 5 – iaitu untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan semua wanita dan kanak-kanak perempuan; dan Matlamat 8 – iaitu untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan, inklusif dan lestari, gunatenaga penuh, produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua.

Persidangan itu akan menampilkan dua ucaptama utama, satu panel perbincangan, tiga panel persembahan dan dua sesi perkongsian dengan pembahagian tiga kumpulan untuk menggalakkan penyertaan, penglibatan dan sumbangan daripada semua peserta. Juga akan diadakan platform pemetaan perniagaan atau *business mapping* bagi membolehkan peserta bertemu dan berbincang mengenai potensi untuk berkerjasama. Persidangan akan dimuktamadkan dengan dua sesi pleno *(plenary session)* mengenai perkongsian perisian dan metodologi untuk menyokong penglibatan wanita dalam ekonomi termasuk menggabungkan cadangan para peserta bagi memberdayakan wanita dalam ekonomi dengan cara yang mampan.

Sidang akhbar bagi mengumumkan pelancaran persidangan *Women in Economy Conference 2018* oleh Ketua Menteri Pulau Pinang telah diadakan pada 25 Julai 2018 di Komtar, Pulau Pinang dan ia sangat memberangsangkan dengan kehadiran lebih 30 pengamal media yang cuba merakamkan detik-detik istimewa pada hari tersebut.




**POSTER penganjuran.**

Para pengamal media dan tetamu jemputan yang hadir menunjukkan minat yang mendalam terhadap Persidangan WIE *(Women in Economy)* ini, dengan kehadiran YB Chong Eng, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Cik Cynthia Hwang dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng.

Untuk maklumat lanjut mengenai butiran pendaftaran, sila layari laman sesawang persidangan di *http://wie.pwdc.or.my/* dan daftar segera bagi mengelakkan kekecewaan kerana bilangan tempat duduk adalah terhad.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11867
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL HALIM - 89080635**** 116 U TELEKOM QRTS, JALAN SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD BIN HASSAN - 63041107**** 3-07-15 ARA GREENS, HALAMAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAZNAH BINTI PAWANCHIK - 59120107**** NO.259 JALAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11869
Peminjam : MUHAMMAD HAFIZ BIN SHAHIMI - 92121514**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD AMINUDDIN BIN SHAHIMI - 85123007**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** NO.1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 11871
Peminjam : THARCHYANEE A/P MANIAM - 84100307**** NO. 6E , JALAN GUNARATANA 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KATHIRAVELU A/L SEENIVASEN - 68111207**** 152-I TINGKAT LEMBAH RIA 1, MK 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAMALADEVI A/P GOVINDAN - 59051807**** NO.94 JALAN AYER ITAM, 10460 PULAU PINANG

No Akaun : 11872
Peminjam : YUGENDRA A/L BALACHANDRAN - 90051207**** 8-5-2 SOLOK SUNGAI ARA 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : BALASUPRAMANIYAM A/L LETCHUMANAN - 63062907**** 4-G-1 JALAN BUKIT KECIL SATU, TAMAN BUKIT KECIL 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ARJUNAN A/L GOPAL - 67050107**** NO.271 PINTASAN MAYANG PASIR 9, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11878
Peminjam : MOHAMAD IHSAN BIN SAZALI - 87071607**** 3-1-39 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD IZUWAN BIN SAZALI - 83060407**** 3-4-10 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISKANDAR BIN SAZALI - 91081007**** 3-1-39 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11879
Peminjam : MOHD HAZRAT BIN ISMAIL - 85113006**** MAKTAB RENDAH SAINS MARA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NUR HAZLIZA BINTI ISMAIL - 83041306**** 3-11-05 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMAD RASYIDI BIN GHAZALI - 84032602**** NO. 6 LORONG RUPAWAN 4, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11883
Peminjam : FADHILAH BINTI TALLIB - 93090907**** NO. 262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : TALLIB BIN YAHAYA - 59033107**** NO.262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MOHD LUTFI BIN TALLIB - 86092335**** NO.262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11885
Peminjam : SALWANI BINTI SALIM - 75121207**** NO.1012, KAMPUNG BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL GANI BIN AHMAD - 76011907**** NO.6206 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : SALLINDA BINTI SALIM - 86031135**** NO.1012 MUKIM 12, BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11887
Peminjam : AMIRA ZAWANI BINTI ZULKIFLI - 93050307**** NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZULKIFLI BIN ISMAIL - 71112807**** NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KAMAL BIN SAMAH - T1076*** 8320 MENGKUANG MAK SULONG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11888
Peminjam : MUHAMMAD KHAIRI AZUAD BIN ABDUL RANI - 93082107**** BLOK F 3-03 KONDOMINIUM MUTIARA ASEANIA, JALAN PERDA BARAT , BANDAR BARU PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NOORANIZAH BINTI AZIZ - 73070907**** A-10-04 MENARA KOMANWEL A, VISTA KOMANVEL A, BUKIT JALIL 57700 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NOR HANANI BINTI ABU HASAN - 74052002**** NO. 20A JALAN KENARI, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11891
Peminjam : NOORFARADILA HAZWANI BINTI MOHAMAD NUR HADI - 93102607**** NO.B-2-10 PANGSAPURI ALIMSAH WALLEY, CHULIA STREET 10200 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD NUR HADI BIN ISMAIL - 65120707**** NO.74 JALAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NUR SYUHADA BINTI ISMAIL - 84092907**** AR-2-7 HILIR PEMANCAR, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11899
Peminjam : SARIZANA BINTI HASSAN - 85092507**** NO. 35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : MOHD FADZLI BIN ROSLI - 82030507**** NO.35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AHMAD SUHAIMI BIN ZAINUDDIN - 86101802**** NO. 159 HDPN SEK. KEB. TEBENGAU, JALAN YAN, KUALA KEDAH 06600 KEDAH

No Akaun : 11904
Peminjam : KU NUR AMELIA KU DORIS - 88031407**** 1A-3-13A PANGSAPURI IDAMAN LEVENDER, LILITAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KAMARUZAMAN BIN SALIM - 58040802**** NO.10 LINTANG BERTAM INDAH 5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHAMAD ALI BIN OTHMAN - 61013107**** NO.5 LORONG BERTAM INDAH 8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11914
Peminjam : NUR NASLIZA ARINA BINTI MOHAMAD NASIR - 87073007**** NO. 76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSLIZA BINTI MD HUSSAIN - 66100507**** NO.76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROSLIANA BINTI IBRAHIM - 84022207**** NO.240 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 11917
Peminjam : NORSHAKIRAH BINTI AB MANAP - 91060407**** A-11-10 VISTA PRIMA , BANDAR BUKIT PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : RUAZANI BIN AHMAD - 61070809**** NO.41A JALAN PALMA 2, TAMAN PALMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : ZANARIAH BINTI ABD RAHMAN - 74030508**** NO.589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11919
Peminjam : DARSHINI A/P BALU - 88050607**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA , PESIARAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : BALU A/L P SHATTAN - 58060907**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PRSN. MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KANTHINI A/P BALU - 86070535**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PRSN. MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11922
Peminjam : ANTHONY ANDREAS BREHME A/L SUBRAMANIAM - 92081507**** BA 4-3 SPRINGFIELD CONDOMINIUM, LORONG KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : PUNITHA SELVA REENA A/P SUBRAMANIAM - 86031235**** NO. 64 LALUAN JATI 3, TAMAN SRI MERU, JELAPANG 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : PUNITHA VELLINA A/P SUBRAMANIAM - 82062507**** 3-1-3 DESA SELATAN APARTMENT, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11923
Peminjam : EZZAH HAZWANI BINTI ELIAS - 92100807**** NO.257 A MUKIM B , SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ELIAS BIN OMAR - 64120607**** 257 -A MUKIM B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAHARI BIN ISMAIL - 63090607**** 477 MK 3 , SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG

No Akaun : 11926
Peminjam : NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG SELANGOR
Penjamin 2 : NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG SELANGOR

No Akaun : 11927
Peminjam : SITI MARDHIAH BINTI JAMAIL - 90010307**** NO.24 LORONG KENANGA, TAMAN DESA CEMPA 09100 BALING, KEDAH
Penjamin 1 : MARLIA BINTI JAMAIL - 80121802**** 24 LORONG KENANGA, TAMAN DESA CEMPA 09100 BALING, KEDAH
Penjamin 2 : NORHAYATI BINTI ABD LATIFF - 76062502**** 24 LORONG KENANGA , TAMAN DESA CEMPA 09100 BALING, KEDAH

No Akaun : 11929
Peminjam : FARAH LIYANA BINTI ROZALI - 89021607**** NO.25 LORONG TASEK MAJU 4, TAMAN TASEK MAJU 14120 SIMPANG AMPAT
Penjamin 1 : ROZALI BIN SERAT - 64032707**** 2205 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH.
Penjamin 2 : MOHD SHARIZAL BIN MD ISA - 84121202**** NO.269 TAMAN SENA, LABU BESAR 09010 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11930
Peminjam : MUHAMMAD ALIF DANIAL BIN AZMAN - 93120207**** E-1-15, PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : ZULIANA BINTI ZULKIFLI - 64070908**** E-1-15 PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : ZULKIFLY BIN MAT HASHIM - 73052009**** C-04-04 PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11933
Peminjam : ZULKIFLI BIN MD YUSOP - 91060907**** 287 MK6 SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NORSHAHIDA BINTI MD YUSOP - 85062807**** NO.287 MK 6, SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD REDWAN BIN MD YUSOP - 83110407**** NO. 51-52 KAMPUNG BARU, KAMPUNG RAJA, CAMERAN HIGHLANDS 39010 PAHANG

No Akaun : 11937
Peminjam : MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502**** E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NURUL ANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : FAIZAL BIN MD SAID - 84081807**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11941
Peminjam : ASMA NAZWIN BINTI MUHSIN - 92050807**** 7148 BLOK J MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHSIN BIN SAID - 64081707**** NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FAZLIYATON BINTI AHMAD SUHAIMI - 73052707**** NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11943
Peminjam : MOHAMED ASHRAF B SHAIK MOHAMED - 86112235**** 96-16-09 TAMAN SINAR BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD SYAFIQ BIN ABDULLAH - 85030107**** NO.1774 KAMPUNG BARU, JALAN PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NORAINI BINTI ABDULLAH - 88122602**** NO.11A LORONG IMPIAN INDAH 3, TAMAN IMPIAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11960
Peminjam : DIYANA BINTI MOHAMAD SALIM - 91081607**** NO.2091 MUKIM 13, SUNGAI GELUGOR 11700 GEORGETOWN
Penjamin 1 : MOHAMAD SALIM BIN A A ABDUL KASIM - 61040907**** BLOK 1-9-38 TAMAN SRI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD ERSHAD BIN MOHAMAD SALIM - 86052235**** NO.2091 MUKIM 13, SUNGAI GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11962
Peminjam : MARDHIYAH BINTI MOHAMAD - 92032307**** NO.16 LORONG PAUH JAYA 4/2, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : SITI BADARIAH BINTI MOHAMAD - 81071809**** NO.16 LORONG PAUH JAYA 4/2, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUHAMMAD SOFWAN BIN MOHAMAD - 83042002**** NO.1 TINGKAT BAWAH (B1), PANGSAPURI IDAMAN, JALAN BARU 13500 TAMAN PAUH, PERAI

No Akaun : 11964
Peminjam : ISA ABDUL HADI BIN MOHD SALLEH - 94080707**** NO.178 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ALI SYARI ATI BIN MOHD SALLEH - 85010307**** NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AMEEN HUSSAINI BIN MOHD SALLEH - 83052907**** NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11973
Peminjam : SITI NUR BAYA BINTI IDRIS - 88042407**** 198D JALAN BURMA , GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD SHAHRIL BIN SHAFIE - 87051535**** NO. 30 PINTAS SEMBILANG 13, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AHMAD KHAIRUL NIZAM BIN ARIF - 85031907**** NO. 273 JALAN DATO KRAMAT 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 11976
Peminjam : NURLINA BINTI MOHD ROSNI - 89021307**** 6-8-8 VILLA SRI KENANGA, JALAN BATU UBAN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD HAMIZUL BIN MOHD TARMIZI - 88083007**** NO.16 TINGKAT 2, BLOK 7 (KELISA), PERUMAHAN KONDO RAKYAT, KUALA IBAI 20400 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
Penjamin 2 : AHMAD FADHIL BIN ISHAR - 88080307**** NO.5-9-7 JALAN BATU UBAN, DESA RIANG 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11981
Peminjam : NORAZLINA BINTI OTHMAN - 83032807**** 12-9-6 HALAMAN KENANGA, LENGKOK NIPAH 3, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SAIFUL ANWAR BIN ZULKEFLY - 83021507**** NO.12-9-6 HALAMAN KENANGA, LENGKOK NIPAH 3, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FATIN DHANIAH BINTI AHMAD HAMBALY - 85061207**** NO.11-3-1 HALAMAN CENDANA, PERSIARAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11986
Peminjam : MUHAMAD FARIZ AIZAT BIN MOHD NASIR - 95052807**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN AYOB - 65081107**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FARA DIYANA BINTI MOHD NASIR - 89100607**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11989
Peminjam : NUR FATINAINA BINTI A RAHIM - 92010307**** 1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD FASAL BIN A RAHIM - 85011407**** NO.1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHAMAD ZAMRI BIN A RAHIM - 87091135**** NO.1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11991
Peminjam : MUHAMMAD AMIN EZEKIEL BIN ABDULLAH @ EZEKIEL A/L GANASAN - 89121907**** 3-7-3 TAMAN SRI BUNGA, JALAN TAPAH 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : GANASAN A/L MUTHU KUMARU - 67092107**** NO.3-7-3 TAMAN SRI BUNGA, JALAN TAPAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : THILATHAVATHY A/P SANGARAN - 86100135**** LOH GUAN LYE SPECIALISTS CENTRE, 19 & 21 JALAN LOGAN 10400 PULAU PINANG

No Akaun : 11998
Peminjam : SUNDARESAR A/L KUNASAGARAN - 91021907**** NO.11 LORONG MANGGA 2, TAMAN MANGGA, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SHAMALA A/P KUNASAGARAN - 85081207**** NO.20 LORONG SEMBILANG 10, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUGILEN A/L RAJENDRA - 90050307**** NO.181 TINGKAT KIKIK 6, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

SAYA ❤ PULAU PINANG
#UntukNegeriKita

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

## "Saya Anak Malaysia"

**HADIAH UTAMA**
Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM200

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Saya Anak Malaysia" dengan logo "Saya ❤ Pulau Pinang" dan hashtag #UntukNegeriKita.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, **30 September 2018.**

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..........................................................
No.Kad Pengenalan : ..........................................
Alamat : ........................................................
No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) ..................
Emel: ............................................................

*Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12001
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ FATHI BIN KHAIRUDDIN - 93093007****
NO.36 LORONG PAUH JAYA 2/5 , TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NORLIDA BINTI OTHMAN - 67030107****
NO.36 LORONG PAUH JAYA 2/5, TAMAN PAUH JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 2 : AZHAR BIN ISMAIL - 72050607****
BLOK 1-02-05 TAMAN MAS, PESIARAN PANTAI JERJAK 11900 SG. NIBONG, PULAU PINANG

No Akaun : 12002
Peminjam : ABD RASHID BIN ABD RAZAK - 85042926****
AKG 12-06 PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHANORFIZAH BINTI MOHD SAFAR - 85081901****
AKG 12-06 PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAZAK BIN AHMAD - 61102702****
AKG 12-06 PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12003
Peminjam : ARCHANAA A/P ARUNASALAM - 90021307****
NO. 2121 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : PARAMESWARAN A/L MOORTHY - 76071102****
NO.150 LORONG LEMBAH IMPIANA 4/2, TAMAN LEMBAH IMPIANA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : KOGILAVANAR A/L LETCHIMANAN - 77110208****
NO.41 JALAN DESA AMAN S 16/2, TAMAN DESA AMAN 09300 SUNGAI KARANGAN, KEDAH

No Akaun : 12008
Peminjam : HASNIZA BINTI ABU BAKAR - 81062307****
2967 JALAN SELAMAT, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : MD SHIFON NIZAM BIN AHMAD - 81061402****
NO.6A BATU 24 3/4 , JALAN EMPANGAN PEDU 06300 KUALA NERANG, KEDAH
Penjamin 2 : NURUL SHAHIDA BINTI AHMAD - 86100802****
NO.6A BATU 24 3/4 , JALAN EMPANGAN PEDU 06300 KUALA NERANG, KEDAH

No Akaun : 12010
Peminjam : SAFFIRUL AMRI BIN SATAR - 92051507****
TBP 6829 MUKIM 20, MENGKUANG KERETAPI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SATARIYAH BINTI MAHMUD - 65072407****
TBP 6829 MUKIM 20, MENGKUANG KERETAPI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NORSIAH BINTI SAHID - 65051707****
NO.737 PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 12017
Peminjam : NUR AMIRA MAHFUDZAH BT RASHIDI - 95122807****
6 LORONG SUNGAI DUA, JALAN PENGKALAN MACHANG, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : JULIAH BINTI ISMAIL - 72111003****
NO.6 LORONG SUNGAI DUA, JALAN PENGKALAN MACHANG 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LILY NOR ISMAWATI BINTI SALLEH - 75020202****
NO.3 LORONG MURNI 28, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 12019
Peminjam : AHMAD RAZIN BIN SHAHUL HAMID - 92032507****
D-G-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMMAD AL-NUR BIN SHAHUL HAMID - 86110935****
2A-03-09 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAHUL HAMID BIN KALANTHER MASTAN - 65101507****
BLOK D-0-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 PULAU PINANG

No Akaun : 12029
Peminjam : SHARIZAL BIN SHAIK BAHARUDIN - 93021807****
16-4-3 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAZLIN BINTI SHAIK BAHARUDIN - 76050907****
16-4-3 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SUHANIS BINTI SHAIK BAHARUDIN - 80030907****
16-4-3 PERSIARAN MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 12031
Peminjam : HALIMATUNSAADIAH BINTI OTHMAN - 87072135****
630 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : NURULHASANAH BINTI OTHMAN - 80111907****
SB 748 UNIT 3, JARAK ATAS 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : NURUL AIN BINTI OTHMAN - 81110907****
NO.630 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12036
Peminjam : SHAIKH MUHAMMAD SYAZWAN BIN SHAIKH SULAIMAN - 92052207****
NO.180 E JELUTONG TIMUR, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAIKH SULAIMAN BIN SHAIKH TAHIR - 65070401****
1K-8-8 PASUKAN GERAKAN MARIN WILAYAH (1), BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORSAHIRA BINTI ZAINUL ABIDIN - 75121107****
NO.180 E JELUTONG TIMUR, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 12039
Peminjam : JEYASREE A/P ARUMUGAM - 86120535****
8M-02-05 TANJUNG COURT, AIR ITAM, FARLIM 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ARUMUGAM A/L K NADASON - 61110907****
NO.2C-12-11 MEDAN ANGSANA SATU, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : VINESH A/L ARUMUGAM - 92021307****
NO.2C-12-11 MEDAN ANGSANA SATU, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 12042
Peminjam : AMMAR ASYRAF BIN MOHD JAMIL - 95061308****
NO. 2 LORONG 4 , TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : MOHD JAMIL BIN MAT NANYAN - 68051602****
NO. 2 LORONG TASEK INDAH 4, TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ROHAIZAT BIN AYOP – (MENINGGAL DUNIA)
1-4 BLOK A, JLN PUTRI GUNUNG 1, MUTIARA JAYA, BDR. TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12044
Peminjam : ABDUL AZIZ BIN ABD. LATIF - 75012907****
5-15-5 KRYSTAL SURIA, MEDAN KAMPUNG RELAU 1, SG NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUZIRAH BINTI TAJUDIN - 77080907****
NO.5-15-5 KRYSTAL SURIA, MEDAN KG. RELAU 1, SUNGAI NIBONG, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHIM BIN ABD LATIF - 77081207****

No Akaun : 12050
Peminjam : IKA FARIKAH AINANI BINTI MOHAMED YAMIN - 94051107****
NO. 9, LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHAMED YAMIN BIN MOHAMED ALI - 59102607****
2A-20-04 MUTIARA IDAMAN APARTMENT, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD DZRIFF AKRAM BIN MOHAMED YAMIN - 89010707****
NO. 9 LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

# Teliti usaha tingkat kebajikan nelayan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Kerajaan Persekutuan akan cuba meneliti maklum balas golongan nelayan tempatan di negeri ini berhubung aspek kebajikan yang diketengahkan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, antaranya adalah berhubung elaun kos sara hidup nelayan dan penambahbaikan insurans tahunan.

"Seperti semua sedia maklum, cabaran kewangan negara kini adalah agak mencabar, bagaimanapun sekiranya mampu, kita (Kerajaan Persekutuan) akan teruskan semua elaun dan kemudahan yang telah dinikmati golongan nelayan sebelum ini.

"Berhubung kos sara hidup, kami (Menteri) telah berbincang dengan Perdana Menteri dan kini sedang menunggu keputusan beliau.

"Manakala, berhubung insurans tahunan…Kerajaan telah bersetuju melakukan penambahbaikan iaitu insurans ditingkatkan kepada RM155,000 berbanding RM150,000 sebelumnya," ujarnya pada lawatan kerja ke Kompleks Perikanan Batu Maung di sini 27 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee, Ahmad Azrizal Tahir (Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Raja Kahalid Raja Ariffin (Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, LKIM) dan Nik Rashid Nik Jusoh (Pengarah LKIM Pulau Pinang).

Lawatan Tze Tzin yang merupakan Ahli Parlimen Bayan Baru berkaitan adalah julung kali diadakan selepas lantikannya.

Selain diberikan penerangan terperinci berhubung LKIM, beliau turut meluangkan masa mendengar permasalahan diutarakan wakil persatuan nelayan setempat antaranya, berhubung isu pelabuhan, lambakan ikan, permohonan fasiliti dan isu tambakan laut.

Dalam sidang media sama, Tze Tzin turut melihat potensi tangkapan ikan di negeri ini yang begitu memberangsangkan apabila ia melebihi 100 peratus.

Malah, katanya, hasil tangkapan yang dihasilkan di Pulau Pinang turut mampu dieksport ke luar.

"Ratio tangkapan di laut dan juga agrikultur adalah sama banyak iaitu 50/50.

"Trend penangkapan ini adalah selaras dengan polisi Kerajaan yang cuba meningkatkan kedua-dua bidang berkaitan pada tahap yang sama.

"Sehingga kini, trend ini tidak dapat diadaptasikan di negeri lain… dan Pulau Pinang kini mempunyai kelebihan kerana kedua-duanya tahap 'pencapaian' bidang berkaitan adalah sama," jelasnya.



SIM Tze Tzin (empat dari kiri) bersama-sama wakil-wakil berkaitan ketika mengadakan lawatan ke Kompleks Perikanan Batu Maung di sini baru-baru ini.



# Sasar kumpul 71,000 penutup botol minuman siapkan mural 3D

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MPSP**



SR. Rozali Mohamud (berkopiah) dan barisan jemputan menyempurnakan gimik Majlis 'Re-imagining Waste as a Resource' di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA -** "Kita perlukan 71,000 penutup botol minuman untuk buat mural di Menara MPSP, dan kini, kita sudah mendapat 47,000 unit."

Demikian ucapan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud sambil merakamkan penghargaan di atas projek usahasama pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.

Tambahnya, gambar-gambar pemandangan terpilih di Seberang Perai akan dimuatkan dalam mural tersebut kelak.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali menyatakan bahawa projek kreativiti berorientasikan *'Re-imagining Waste as a Resource'* tersebut, memerlukan 300 sukarelawan bagi melayakkan projek itu dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records*, kelak.

"Walaupun 300 sukarelawan sahaja diperlukan dalam projek kreatif ini, tapi kita harap seramai mungkin penduduk Pulau Pinang boleh membantu mengumpulkan baki 24,000 lagi penutup botol minuman untuk mencukupkan 71,000 unit.

"Selepas pelancaran ini (yang berlangsung pada 25 Julai 2018), proses membuat mural akan diadakan pada 21 hingga 23 September 2018," jelasnya sambil mengharapkan projek berkaitan turut menyumbang kepada hasrat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon dan bandar raya pintar menjelang 2022.

Turut berucap, wakil UPSI, Prof. Dr. Fauzi Sedom @ M. Dom dalam majlis dilangsungkan dekat Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Julai lalu.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod, barisan Ahli Majlis bagi MPSP, wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta perwakilan dari sekolah-sekolah terpilih.


MATTA FAIR®
PENANG

Setia SPICE Arena

28 - 30
SEPTEMBER 2018

10 pagi - 9 malam

Dianjurkan oleh:
MATTA
MALAYSIAN ASSOCIATION OF TOUR & TRAVEL AGENTS
The National Travel Association

Disahkan oleh:

# Taman Upcycle, MPSP terima pengiktirafan MBOR

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **G. REVATIC**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sekali lagi menerima pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) di atas idea kreatif membangunkan taman berkonsepkan *'upcycle'* pertama di negara ini.

Perkara itu diumumkan Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud pada Sambutan Hari Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut dekat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini 28 Julai lalu.

Selaras itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang hadir sebagai tetamu kehormat dalam ucapannya memuji usaha MPSP kerana berjaya mengubah kolam tadahan menjadi sebuah Taman Upcycle pertama seumpamanya di negara ini dengan keunikannya tersendiri.

"Difahamkan, taman ini menyediakan ruang dilengkapi dengan barangan *'upcycle'* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, kayu palet, botol plastik dan sebagainya.

"Kos membangunkan taman ini juga hanya berjumlah RM2,000 berbanding RM300,000 sekiranya menggunakan pendekatan konvensional.

"Projek ini dibangunkan oleh kakitangan am MPSP iaitu 'wira oren', dan saya berharap agensi swasta, pertubuhan serta masyarakat turut sama membangunkan idea kreatif seperti ini di Seberang Perai," ucapnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; H'ng Mooi Lye (ADUN Jawi); Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP serta seluruh kakitangan MPSP.

Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) MPSP, Datin Che Limah Ujang; Pengerusi ANULE Seberang Perai, Tahir Othman; Naib Yang di-Pertua PERMAI, Mohamad Nizam Md. Shariff dan Pengerusi KOSPEMA, Latifah Razali turut sertai majlis berkaitan.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat turut menzahir keyakinan terhadap usaha MPSP bersama-sama Kerajaan Negeri untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya.




**JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) bersama-sama Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) bergambar kenangan dengan kakitangan MPSP dan sebahagian pengunjung yang hadir pada Sambutan Hari Majlis MPSP di sini baru-baru ini.**

Katanya, beliau yakin perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan yang kini diterajui Pakatan Harapan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) mengenai perkara itu akan membuahkan hasil positif.

"Kertas cadangan permohonan telah siap iaitu sebulan selepas majlis angkat sumpah Ahli Majlis bagi MPSP baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan kemukakan permohonan ini dalam tempoh terdekat," jelas Jagdeep.

Sebuah buku bertajuk *'Innovative Transformation'* dengan tagline *'MPSP's Leaders Paving The Way For The Future'* yang menceritakan pengalaman empat mantan Yang di-Pertua MPSP iaitu Dato' Seri Farizan Darus, Dato' Seri Mokhtar Mohd. Jait, Dato' Seri Maimunah Mohd. Sharif dan Rozali sendiri turut diluncurkan pada majlis tersebut.



# Festival Bukit Bendera satukan rakyat melalui nilai sejarah, budaya dan alam sekitar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran Festival Bukit Bendera diyakini mampu menyatukan seluruh rakyat di negeri ini melalui nilai sejarah, kepelbagaian budaya serta alam sekitar, kata Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari.

Festival yang selari dengan misi Kerajaan Negeri itu, menurut Zairil, mampu mempromosikan kekayaan hutan berusia 130 juta tahun yang terletak berdekatan kawasan Bukit Bendera.

"(Dan) kita sebagai rakyat harus memeliharanya demi kelangsungan generasi akan datang.

"Bagi tujuan itu, pelbagai program diatur selari dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," ujarnya pada penganjuran festival berkenaan di sini 28 Julai lalu.



**GAMELAN merupakan muzik tradisional yang turut dipersembahkan.**

Bertemakan *'See the Nature, Feel the Hisrory'*, turut berlangsung pada hari berkenaan adalah persembahan muzik tradisional oleh pemuzik terkenal dari Hong Kong, William Tam.

Selain itu, persembahan muzik gamelan oleh sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Permatang Tok Jaya yang menyampaikan tiga lagu iaitu Sri Rama Balik, Kitaro dan irama Tarian Bali ternyata menggamit tumpuan para hadirin.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa selaras dengan penganjuran berkaitan, beliau percaya bahawa para pengunjung yang hadir mendapat pendedahan mengenai Bukit Bendera.

"Tahniah juga diucapkan kepada pasukan Perbadanan Bukit Bendera di atas usaha untuk menjadikan festival ini sebagai kenangan yang tidak dapat dilupakan kepada semua yang terlibat," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Cheok Lay Leng.



**ZAIRIL Khir Johari (kanan sekali) menyampaikan cenderahati kepada William Tam (kiri sekali) pada penganjuran Festival Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**




TAMAN BALIK PULAU

Balik Pulau, Pulau Pinang

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

RUMAH TERES 3 TINGKAT

| | |
|---|---|
| Jumlah Unit | : 18 |
| Keluasan Binaan | : 2896kps (min) - 3203kps (mak) |
| Keluasan Tanah | : 1575kps (min) - 2048kps (mak) |
| Harga Jualan | : RM 898,000.00 (min) |
| | RM 938,000.00 (mak) |

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:*
***Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang***
*Tel: **04-6505 242/6505 244** • Fax: **04-2622 904***

RUMAH SIAP DI BINA

CCC TELAH DI PEROLEHI

Pemaju:
**LICHENG CREDIT & HOLDINGS SDN BHD**(1028403-V)
71-A, Jalan Jelutong, 11600 Pulau Pinang
Tel: **04-282 1942** Fax: **04-282 0821**

# Harga rumah tidak akan naik selepas pelaksanaan SST – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini memberi jaminan bahawa harga rumah mampu milik di negeri ini tidak akan dinaikkan meskipun selepas Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dilaksanakan kelak.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, pemaju perumahan di negeri ini masih perlu mematuhi garis panduan penetapan harga rumah.

Menurutnya, garis panduan penetapan harga rumah diperkenalkan hasil jalinan kerjasama Kerajaan Negeri dengan pihak pemaju swasta dalam usaha membekalkan perumahan mampu milik kepada rakyat di Pulau Pinang.

"Pada tahun 2016, kita (Kerajaan Negeri) telah menetapkan di bahagian pulau had (siling) adalah RM300,000, dan di Seberang (Perai) pula RM250,000 untuk pelbagai skim perumahan mampu milik.

"Meskipun ketika itu ada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST, yang diperkenalkan pada 1 April 2015), Kerajaan Negeri telah menurunkan had siling harga bagi bahagian pulau iaitu daripada RM400,000 sebelum 2016 kepada RM300,000 sehingga kini.

"Tambahan pula, pihak pemaju juga telah menikmati pelbagai insentif dalam pemajuan rumah mampu milik di negeri ini.

"Jadi, saya memberi jaminan bahawa harga perumahan mampu milik tidak akan dinaikkan dan akan memastikan ia kekal (mengikut had siling)," respons Jagdeep terhadap soalan pemberita sama ada pelaksanaan SST nanti akan menyebabkan kenaikan harga rumah di negeri ini di sini 27 Julai lalu.

Mengenai projek perumahan yang dilaksanakan oleh pentadbiran terdahulu, Jagdeep memaklumkan bahawa kelulusan *Commencement of Works* (COW) atau Memulakan Kerja Pembinaan telah diberikan kepada Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Kampung Kastam, Bukit Gelugor.

"Dua lagi projek PR1MA iaitu di Permatang Pauh dan Batu Ferringhi dengan jumlah unit keseluruhan dijangka hampir 4,000 unit turut akan ditawarkan kepada rakyat Pulau Pinang nanti.

"Sama ada projek berkenaan akan dijenamakan semula atau tidak itu merupakan isu lain, yang penting pembekalan perumahan untuk rakyat perlu diteruskan," katanya yang turut merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri yang mahu jenama '1Malaysia' digantikan kepada jenama baharu.



**JAGDEEP Singh Deo.**

PA PERMAI AVENUE @ KOTA PERMAI, BUKIT MERTAJAM

RUMAH KEDAI/ PEJABAT 2 TINGKAT
Jumlah Unit : 14
Keluasan Binaan :
2689 kps (Min) - 6702 kps (Mak)
Keluasan Tanah :
137 mps (Min) - 360 mps (Mak)
Harga Jualan:
RM 668,800.00 (Min) • RM 1,880,000.00 (Mak)







Pemaju: ZUWEN BINA SDN BHD (633085-W)
No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11
Taman Kota Permai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04-5383388 • Faks: 04-5386388

Pelan Permohonan Kebenaran Merancang : MPSP/70/39-44/74
No. Kelulusan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-44/119
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Seberang Perai
Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Tarikh Dijangka Siap: Dec 2019

# Ops pemutihan taska, pusat jagaan mulai September

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menjalankan operasi pemutihan taska dan pusat jagaan yang beroperasi tanpa lesen di bahagian pulau mulai pertengahan September ini.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, operasi berkenaan bertujuan memastikan semua taska dan pusat jagaan yang beroperasi kini adalah mematuhi prosedur kebenaran ditetapkan.

"Program pemutihan taska dan pusat jagaan tanpa lesen telah bermula sejak tahun 2016 dan akan tamat 14 September ini.

"Sebanyak 172 premis terlibat di dalam program pemutihan ini, tetapi sambutan yang diterima adalah kurang memberangsangkan, daripada jumlah tersebut, sehingga kini masih terdapat 156 pengusaha enggan mengambil peluang mendaftarkan taska serta pusat jagaan masing-masing secara sah.

"Dalam tempoh tersebut, hanya 16 taska dan pusat jagaan sahaja yang didaftarkan dan mendapat kebenaran sah," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini 26 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Mengulas lanjut, Tung Seang menyeru semua 156 taska dan pusat jagaan yang masih tidak berlesen supaya tampil mengambil peluang mendaftarkan perniagaan masing-masing.

Katanya, selepas ini, MBPP tidak akan lagi memberi serta mengeluarkan apa-apa notis lanjut, sebaliknya meneruskan tindakan operasi pemutihan secara bersepadu.

"Pelbagai inisiatif dan pendekatan telah MBPP laksanakan bagi memudahkan para pengusaha berkaitan mendaftarkan perniagaan secara sah.

"Antaranya, memberikan diskaun sehingga 90 peratus dan memudahkan proses permohonan," jelasnya.

Justeru, Tung Seang memberitahu, sebelum tamat tempoh tersebut, para pengusaha taska serta pusat jagaan berkenaan diminta tampil mengambil tindakan segera dengan mengemukakan permohonan tukar guna bangunan kepada MBPP serta mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan sebelum 14 September 2018.

"Kelonggaran tertentu telah diberikan kepada mereka (pengusaha)...mereka tidak lagi perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk melantik arkitek, sebaliknya hanya membuat lakaran ringkas, serahkan dan daftar kepada kita (MBPP)," tegasnya.



AR. Yew Tung Seang.

Difahamkan, tindakan penguatkuasaan akan diambil secara bersepadu bersama-sama semua agensi terlibat ke atas pengusaha taska dan pusat jagaan selepas tamatnya tempoh berkenaan sama ada melalui tindakan mahkamah atau rampasan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi kakitangan MBPP, Encik Shaari di talian 017 - 424 7788.

## Tanam pokok hijaukan laluan basikal

**HIJAU...** Pokok tembusu, penaga laut, pinang raja dan kelat paya antara jenis tumbuh-tumbuhan yang ditanam di sepanjang laluan basikal berhampiran Intel PG9 dan Kristal Point baru-baru ini.

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada matlamat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

Sebanyak 115 pokok ditanam di sepanjang laluan basikal baharu dibuka menghubungkan secara terus hingga ke Bayan Lepas.

Program kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Intel Malaysia (Intel) tersebut turut disertai 50 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan syarikat semikonduktor berkaitan.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Mohamed Akbar Mustapha hadir sama.



**PARA peserta dan sukarelawan bertungkus-lumus menanam pokok ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau.**



**GAMBAR kenangan para peserta penganjuran projek hijau menanam pokok di laluan basikal baharu di sini baru-baru ini.**

## MBPP bakal wujudkan Pusat Pengedaran Ayam Setempat

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal mewujudkan Pusat Pengedaran Ayam Setempat bersebelahan Pasar Awam Batu Lanchang di Jelutong sebagai mekanisme mengoptimumkan kebersihan kawasan pasar serta persekitarannya.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, cadangan tersebut telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan dan ia akan dilaksanakan melalui sistem tender terbuka dengan jangkaan kerja-kerja pemajuan dimulakan tahun hadapan.

Menurut Tung Seang, pusat berkenaan akan berfungsi sebagai pusat pengedaran ayam setempat bagi semua pasar di bahagian pulau.

"Pusat ini hanya akan mengedarkan ayam yang telah siap disembelih yang mana ayam-ayam ini kita akan ambil daripada pusat penyembelihan di Jawi.

"Dengan cara ini, ia akan mengoptimumkan kebersihan kawasan pasar dan saliran di persekitarannya daripada kerja-kerja penyembelihan yang dilakukan di kawasan pasar kini.

"Ia bukan sahaja tidak bersih, malah mendatangkan bau yang kurang menyenangkan dan menyebabkan saliran menghadapi masalah tersumbat," ujarnya sambil menyatakan bahawa pendekatan tersebut adalah salah satu inisiatif menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar yang lebih bersih dan hijau.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Mengulas lanjut, Tung Seang menyatakan bahawa pusat tersebut dipercayai mampu menampung kira-kira 20,000 ekor ayam siap disembelih untuk diedarkan kepada para penjual.

"Mengikut rekod, terdapat 18 pasar yang terlibat dengan aktiviti menjual ayam yang kebiasaannya aktiviti penyembelihan ini dilakukan di pasar-pasar berkenaan.

"Selepas ini, MBPP sediakan alternatif terbaik iaitu ayam yang telah siap disembelih, diharap pendekatan ini akan mendidik pihak terlibat untuk lebih menjaga kebersihan persekitaran dan ayam yang dijual," jelas beliau.

# Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir, MPSP johan!

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MPSP**

**SEBERANG JAYA -** Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir (SPARK) yang dicipta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dipilih sebagai johan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Pulau Pinang 2018 baru-baru ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, MPSP membawa pulang hadiah wang tunai RM4,000 dalam saingan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tersebut.

"Kalau sebelum ini, pekerja MPSP tidak dapat melakukan kerja lain apabila ada ramalan cuaca tertentu kerana terpaksa menunggu dan memantau paras air terutama di parit monsun.

"Tapi sekarang, kita (MPSP) boleh optimum tenaga kerja kita untuk kerja-kerja lain.

"Kerana, fungsi SPARK ini boleh mengesan paras ketinggian air melalui *ultrasonic sensor* dan menghantar maklumat melalui peranti GSM *(sim card)* ke *server*, *server* akan memproses data dan menghantar maklumat kenaikan paras air ini melalui SMS (sistem pesanan ringkas) kepada pegawai bertugas," jelasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis MPSP dekat Bandar Perda 25 Julai 2018.

Menurutnya, SPARK merupakan cetusan idea Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod ketika menjadi Pengarah Kejuruteraan MPSP pada tahun 2016.

Rozali memberitahu, setakat ini, empat SPARK telahpun dipasang berhampiran kilang *Honeywell Aerospace*, kilang *Schott Glass*, kawasan parkir motosikal kilang *Toray* dan Pos Kawalan Keselamatan MPSP Zon 1.

Menjawab soalan pemberita, beliau memberitahu, MPSP dalam tahun ini akan memasang SPARK di lapan lagi parit monsun, iaitu di Taman Wira, Taman Mangga, Taman Desa Damai, Taman Sri Rambai, Taman Chai Leng, Taman Bagan, Taman Transkrian dan Taman Merak.



**SR. Rozali Mohamud (duduk, tiga dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan MPSP dan pihak-pihak berkaitan menunjukkan trofi dimenangi pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Kempen Bersih Premis Makanan, didik sebelum langkah penguatkuasaan

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melancarkan Kempen Kebersihan Premis Makanan mulai 31 Julai 2018 hingga 3 Februari 2019.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, pentadbirannya memandang serius teguran Ketua Menteri baru-baru ini berhubung beberapa premis makanan yang tidak menggunakan sistem perangkap gris berkualiti, sebagaimana digariskan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita memandang serius teguran Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini.

"Dalam kempen ini, *educational enforcement* adalah kaedah yang akan kita (MPSP) guna pakai, dengan memberi kesedaran kepada pengendali atau pengusaha kedai makan, sebelum langkah penguatkuasaan.

"*Educational enforcement* ini akan dilaksanakan di semua premis, termasuk restoran dan medan selera *(food court)*," tegasnya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 25 Julai 2018.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis MPSP lain.

Menjawab soalan pemberita, Rozali menyatakan bahawa fasa pertama kempen, iaitu pendekatan pendidikan bermula pada 31 Julai hingga 30 November ini, diikuti fasa kedua iaitu pendekatan penguatkuasaan (3 Disember 2018 hingga 3 Februari 2019).

## Operasi bersepadu kebersihan premis makanan diperhebat demi jaminan kesihatan rakyat

**GEORGE TOWN -** Tindakan penguatkuasaan melalui operasi bersepadu kebersihan premis makanan di negeri ini perlu diperhebatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan kesejahteraan dan kesihatan penduduk sentiasa terjamin.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, operasi bersepadu kebersihan antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) perlu diteruskan bagi meningkatkan tahap kebersihan serta keselamatan penyediaan makanan di negeri ini.

Menurutnya, berpegang kepada cogan kata 'Pulau Pinang Lebih Bersih, Lebih Hijau, Lebih Sihat dan Lebih Selamat', Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya menerima pelbagai pengiktirafan bukan sahaja di peringkat negeri dan nasional, malah juga antarabangsa.

"Pada Januari tahun ini, George Town telah diiktiraf sebagai bandar raya terbersih di ASEAN (berjaya memenuhi kriteria *ASEAN Clean Tourist City*, ACTC) dalam suatu majlis yang diadakan di Chiangmai, Thailand.

"Jadi, adalah menjadi tanggungjawab kita melalui pihak berkuasa tempatan bagi memastikan kebersihan di premis-premis makanan awam.

"Oleh itu, saya memberi amaran kepada operator (pengendali) premis-premis makanan, 'jangan main-main' dengan Kerajaan Negeri, kita (Kerajaan Negeri) akan meminta MBPP dan JKNPP untuk tingkatkan tindakan penguatkuasaan dalam operasi bersepadu ini," tegasnya pada sidang media di sini 31 Julai lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Kesihatan Persekitaran & Pelesenan MBPP, Dr. Judy Shoba dan Pengarah Bahagian Pelesenan MBPP, Azman Sirun.

Dalam pada itu, Jagdeep turut memuji usaha MBPP dan JKNPP atas tindakan tegas terhadap pengendali premis makanan yang kotor.

"JKNPP mempunyai kuasa untuk menutup premis-premis makanan yang kotor di bawah Akta Makanan 1983, manakala MBPP pula boleh mengenakan kompaun atas kesalahan yang dilakukan.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan laporan ops penguatkuasaan yang dijalankan di sini baru-baru ini.**

"(Dan) sejak 2015 sehingga ke hari ini (31 Julai 2018), 165 premis makanan telah dikenakan tindakan tutup premis; 28,636 kompaun Establishment Makanan dan 2,112 kompaun perangkap gris," katanya yang turut memaklumkan bahawa sebanyak 6,164 Lesen Establishment Makanan telah dikeluarkan MBPP setakat ini.

Difahamkan, setiap kesalahan yang dikenal pasti akan dikenakan kompaun antara RM30 hingga RM250 mengikut Undang-undang Kecil (Establishment Makanan) MPPP 1991 dan Undang-undang Kecil (Kebersihan & Keselamatan Awam).

Pada 13 Julai lalu, sebuah restoran terkenal di bandar raya ini diarahkan tutup selama dua minggu kerana beroperasi dalam keadaan kotor, disusuli tindakan penutupan tiga kedai kopi dekat Jalan Penang pada 18 Julai.

Terbaru, pada 24 Julai lalu, dua lagi premis makanan dikenakan tindakan serupa kerana gagal mematuhi aspek kebersihan yang ditetapkan.

# Karnival Kerjaya catat sambutan menggalakkan



SUASANA pada hari penganjuran.



**H'ng Mooi Lye (kanan) berjabat tangan dengan salah seorang jemputan yang mengambil bahagian pada penganjuran Karnival Kerjaya 'Face to Face' di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Sebagai inisiatif khas bagi membantu golongan muda memperoleh peluang pekerjaan setaraf dengan kelayakan akademik serta minat masing-masing, Pejabat Tenaga Kerja Butterworth dengan kerjasama Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi menganjurkan Karnival Kerjaya 'Face to Face' di sini 22 Julai lalu.

ADUNnya, H'ng Mooi Lye berkata, penganjuran tersebut secara langsung membuka kira-kira 5,411 peluang pekerjaan kepada golongan yang ingin mencari pekerjaan dan pengalaman kerja baharu.

"Pasaran kerja di Pulau Pinang sangat baik dan saya difahamkan kekosongan sentiasa ada sama ada di peringkat sijil mahupun ijazah.

"Ada juga majikan yang sertai karnival ini, terus buat temuduga di sini...jadi saya rasa ini menunjukkan majikan amat memerlukan tenaga kerja," ujarnya yang turut menyangkal dakwaan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab kononnya Kerajaan Negeri gagal menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan muda-mudi di negeri ini.

Malah, ulas Mooi Lye, dakwaan tersebut adalah fitnah semata-mata kerana rata-rata majikan yang hadir memerlukan kekosongan jawatan untuk diisi.

Difahamkan karnival yang berlangsung selama enam jam bermula jam 10 pagi itu disertai kira-kira 36 majikan dan mendapat sambutan lebih 3,000 pengunjung.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Heng Yeh Shiuan.

## Amalkan gotong-royong secara konsisten, elak wabak penyakit



**R.S.N. Rayer (bertopi putih), Lim Siew Khim (empat dari kanan), wakil-wakil MBPP dan komuniti setempat pada penganjuran gotong-royong di sini baru-baru ini.**

Gambar : **MP**

**KEBERSIHAN...** Sejajar hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan kawasan persekitaran selesa untuk didiami komuniti setempat, satu gotong-royong telah diadakan di Flat Medan Tengku, Jelutong pada 22 Julai lalu.

Gotong-royong tersebut dipimpin Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

Rayer ketika ditemui berkata, program gotong-royong perlu diadakan secara konsisten di semua peringkat komuniti agar kebersihan persekitaran lebih terjaga pada setiap masa.

"Ianya tidak boleh dilakukan secara waktu tertentu sahaja, kerana saya yakin tiada individu di sini yang mahu hidup dalam persekitaran yang kotor.

'Ini kerana jika kawasan kotor, semua individu akan tidak selesa dan paling memburukkan adalah wabak penyakit seperti denggi mudah menyerang sesuatu lokaliti.

"Justeru, langkah terbaik adalah setiap penduduk perlu memainkan peranan menjaga persekitaran dengan tidak membuang sampah merata-rata di sekitar kawasan Medan Tengku ini," serunya yang menyarankan agar program seumpama itu diadakan secara bulanan bagi mengelakkan tularnya wabak penyakit.

Pada program tersebut, Rayer dan Siew Khim turut bersama-sama menyertai penduduk setempat dan kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melakukan kerja-kerja pembersihan di Flat Medan Tengku seawal jam 8 pagi.




# ADUN suburkan semula tradisi makan dalam talam, erat silaturahim

Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**PULAU BETONG –** Menikmati makanan yang dihidangkan di dalam talam beramai-ramai mungkin kedengaran agak unik dan janggal, namun ia merupakan tradisi yang kian dilupakan kini.

Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, tradisi makan dalam talam atau lebih dikenali sebagai nasi talam merupakan salah satu cara lama untuk mengeratkan silaturahim.

Justeru, bagi mengekalkan tradisi tersebut, usai solat Jumaat di Masjid Simpang Empat, para jemaah dihidangkan dengan nasi talam.

"Kenduri makan nasi talam ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat dengan kerjasama pemuda Kariah Masjid Simpang Empat.

"Bukan sahaja dapat menyuburkan semula tradisi lama (nasi talam), malah juga mengeratkan silaturahim sesama anak kariah dan penduduk setempat," ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.



MOHD. Tuah Ismail (tiga dari kanan) bersama-sama sebahagian jemaah menjamu juadah yang dihidangkan dalam talam.



ANTARA jemaah yang hadir pada kenduri nasi talam dekat Masjid Simpang Empat di sini baru-baru ini.

Para Penghulu Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya antara yang hadir memeriahkan kenduri nasi talam berkenaan.

Sebelum itu, Mohd. Tuah menyampaikan khutbah Jumaat bertajuk *'Roh Yang Tergantung'* di hadapan lebih 200 jemaah yang hadir.

Antara intipati khutbah adalah soal wajibnya membayar hutang.

"Sejak tahun 2010 sehingga April 2015, seramai 107,000 individu diisytiharkan muflis, dan 23,484 daripadanya adalah golongan belia yang berumur antara 25 hingga 34 tahun.

'Islam menganjurkan antara perkara-perkara yang wajib disegerakan di atas dunia ialah membayar segala hutang-piutang selain daripada menyegerakan pengkebumian jenazah dan mengahwinkan anak perempuan apabila telah dipinang orang," ulasnya.

## Wujudkan geran bantu bakat-bakat muda, seru ADUN

**BATU UBAN –** Sebagai dorongan di atas kecemerlangan Ain Insyirah Rosli, 8, mewakili negara di dalam Kejohanan Catur Remaja Asia bertempat di Chiang Mai, Thailand pada 31 Mac hingga 10 April lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan baru-baru ini menyampaikan sumbangan khas RM1,000 kepada jaguh cilik berkenaan.

Sumbangan penghargaan tersebut adalah ekoran kejayaan beliau mewakili negara pada usia baru setahun jagung setelah menjuarai *Malaysia National Youth Chess Championship 2018 Under 8 Girls* di Johor Bahru, Johor sebelum itu.

Kumaresan ketika menyampaikan cek berkenaan berkata, kejayaan jaguh cilik kelahiran Batu Uban tersebut bukan sahaja menjadi inspirasi kepada rakyat Pulau Pinang, malah bakat yang sedang berkembang tersebut sewajarnya diketengahkan sebagai pelapis generasi akan datang.

"Di usia semuda ini, Ain (Insyirah) telah memenangi pelbagai cabaran catur sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri hingga ke peringkat antarabangsa.

"Beliau menunjukkan kemahiran teknikal dan pemikiran strategik yang jitu serta ketahanan mental yang tinggi untuk berjaya. Malah, kejayaan beliau di dalam sukan rakyat ini dan bidang pembelajaran adalah seiring," ujarnya ketika ditemui di Pusat Khidmat ADUN Batu Uban di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ayahnya, Rosli Mat Seliaman, 46, dan ibunya, Zaiyana Mohd Hussain, 39.

Justeru, Kumaresan menyeru badan-badan korporat mahupun pihak Kerajaan Negeri agar tampil membantu serta memberikan sokongan buat Ain Insyirah agar bakatnya tidak terpadam begitu sahaja.



A. Kumaresan menyampaikan sumbangan khas kepada Ain Insyirah Rosli di sini baru-baru ini.

"Saya difahamkan, di atas faktor kekangan duit untuk bertanding di peringkat kebangsaan, ibu dan ayahnya terpaksa menolak beberapa pelawaan untuk adik Ain (Insyirah) bertanding di luar negara.

"Mungkin pihak Majlis Sukan atau Kementerian Belia dan Sukan boleh pertimbang untuk mewujudkan satu geran bagi membantu bakat-bakat muda untuk ditonjolkan ke hadapan....menyediakan mereka peluang serta ruang untuk lebih maju dengan bakat yang ada," jelasnya.

Menurut Zaiyana, beliau dan suami terpaksa menolak tiga tawaran kejohanan di peringkat antarabangsa kerana faktor kewangan yang besar untuk membawa anaknya bertanding di peringkat antarabangsa.

"Antaranya ialah di Romania, Mongolia dan terbaru Shanghai.... kerana setiap pertandingan di luar negara memerlukan kos kewangan tinggi yang terpaksa ditanggung oleh kami sendiri," katanya.

Ditanya mengenai bakat Ain Insyirah bermain catur, Zaiyana menyatakan bahawa pada asalnya ia hanya dijadikan hobi buat beliau, suami dan empat anak-anaknya pada waktu senggang.

Ulasnya, beliau mula menyedari potensi Ain Insyirah apabila anak kecil itu menjuarai pertandingan catur peringkat sekolah.

"Dari situ, dia terus memasuki pertandingan demi pertandingan setiap minggu sama ada di dalam atau luar negeri.... dia akan luangkan masa selama sejam sekurang-kurangnya setiap hari untuk berlatih dan mengekalkan momentum strategi dan taktik permainan.

"Dengan menjadikan Magnus Carlsen iaitu Juara Catur Dunia sebagai idola, Ain (Insyirah) bercita-cita mendapat gelaran *women grand master* dunia suatu hari nanti," ujarnya yang mahukan Ain Insyirah menjadi seorang yang berani berhadapan dengan situasi semasa sebagai kelebihan menghadapi pihak lawan daripada pelbagai peringkat umur.

**Bakat Si Cilik - Mewarna 1 / 2018**

# saya anak MALAYSIA



Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Julai 2018 hingga 30 September 2018.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**